Kimiyyah al-Saadah

KIMIA KEBAHAGIAAN

كيميا السعادة

Imam al-Ghazali

Penterjemah

Muhammad Yusra Hulaimi

Karya asal

Imam Al-Ghazālī

KIMIA KEBAHAGIAAN

Terjemahan oleh

Muhammad Yusra Hulaimi

The Biblio Press

2025

Cetakan Pertama, Mei 2025
Kimia Kebahagiaan

Hak Terjemahan © Muhammad Yusra Hulaimi
Hak Penerbitan © The Biblio Press 2025
Edisi Malaysia diterbitkan dan disusun oleh The Biblio Press

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula, ditukar kepada apa-apa bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:
The Biblio Press Enterprise
G-22 Menara Mutiara Majestic,
15, Jalan Othman,
46000, Petaling Jaya,
Selangor.

Penyunting: Najibah Abu Bakar
Pembaca pruf: Maryam Mazlan
Pereka Kulit: Titik Kreatif
Pereka letak: Alif Haikal

Dicetak oleh:
BS Print
No.10, Jalan Indrahana 1, Taman Indrahana,
58200 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

BIBLIO PRESS
bibliopress.my@gmail.com
@bibliopress

KIMIA KEBAHAGIAAN

كيميا السعادة



Isi Kandungan

MUKADIMAH	5
Bab 1	
Mengenali Diri (Maʿrifat al-Nafs)	4
Bab 2	
Mengenali Allah (MaʿrifatuLlāh)	17
Bab 3	
Mengenali Hakikat Dunia (Maʿrifat Ḥaqīqat al-Dunyā)	30
Bab 4	
Mengenali Hakikat Akhirat (Maʿrifat Ḥaqīqat al-Ākhirah)	37
Bab 5	
Perkahwinan Sebagai Pemudah Cara atau Penghalang Kehidupan Beragama	48
Bab 6	
Perihal Muzik dan Tarian	60
Bab 7	
Mengingati Allah (DhikruLlāh)	69
Bab 8	
Mencintai Allah (ḤubbuLlāh)	80

Mukadimah

BismiLlāh al-Raḥmān al-Raḥīm

Segala puji bagi Allah yang memenuhkan hati orang-orang yang suci (al-a*ṣfiyā'*) dengan kesungguhan beribadah (*al-mujāhadah*), yang membahagiakan hati para wali dengan penyaksian (*al-mushāhadah*), yang mengisi lisan orang-orang beriman dengan zikir, dan yang menjelmakan pada fikiran para arif (*al-ʿārifīn*) dengan tafakkur, yang memelihara para hamba-Nya daripada kerosakan (*al-fasād*), yang mengunci keinginan para ahli zuhud (*murād al-zuhhād*) atas perkara-perkara yang baik (*al-sadād*), yang menyucikan jiwa orang-orang bertakwa (*al-muttaqīn*) dari kegelapan syahwat (*ẓulm al-shahwāt*), yang membersihkan *rūḥ* orang-orang yang yakin (*al-mūqinīn*) dari kegelapan syubhah (*ẓulm al-shubhāt*), yang menerima amalan orang-orang yang baik (*al-akhyār*) dengan menunaikan keinginan mereka, dan yang membantu orang-orang yang bebas (al-a*ḥrār*) dengan mengurniakan kelebihan.

Aku merafakkan ta*ḥmīd* kepada-Nya dengan pujian mereka yang pernah melihat tanda-tanda kekuasaan-Nya. Aku naik saksi dengan saksi mereka yang pernah menyaksikan ketunggalan dan keesaan-Nya. Dan aku telusuri jalan mereka yang pernah menelusuri rahsia dan kedermawanan-Nya (sirrihi wa barrihi), dan tuaian hasil *maʿrifah* dari pohon kemuliaan dan ganjaran-Nya (*shajari majdihi wa jūdihi*).

Dan aku memanjatkan syukur kepada-Nya dengan kesyukuran orang-orang yang pernah menggali dan menghirup air dari denai kasih sayang dan kelebihan-Nya (al-fa*ḍ*l wa al-if*ḍāl*). Aku beriman kepada-Nya dengan iman orang-orang

yang beriman kepada kitab-Nya, seruan-Nya (al-khiṭāb), para Nabi-Nya, para aṣfiyā'-Nya, janji dan ancaman-Nya (*al-wa'du wa al-wa'īd*), dan ganjaran dan hukuman-Nya (*al-thawāb wa al-'iqāb*).

Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah—Dialah yang tunggal tiada sekutu bagi-Nya. Dan aku bersaksi bahawa Muḥammad ialah hamba dan Rasul-Nya—diutuskan di tengah-tengah kefasiqan dan kemaksiatan agar baginda memecahkannya, di tengah-tengah orang-orang yang tiada erti syukur (*al-jāḥidīn*) dan yang degil (*al-māriqīn*) agar baginda menelanjangkan kebatilan mereka, dan di tengah-tengah orang-orang yang sentiasa menimbulkan keraguan dan syirik, agar baginda menguasai mereka. Dan baginda diutuskan kepada para pengikut kebenaran dan ihsan (*atbā' al-ḥaqq* wa al-iḥsān) sebagai penolong. Selawat dan salam buat baginda, ahli keluarganya, dan para sahabatnya. *Ammā ba'd.*

Ketahuilah bahawa insan itu tidak diciptakan dengan sia-sia atau secara rawak, sebaliknya diciptakan untuk sebuah tujuan agung. Sungguhpun penciptaannya baharu, namun dia ditakdirkan untuk hidup selamanya; dan meskipun jasadnya hampa dan tidak bernilai, namun jiwanya mulia dan mengandungi rahsia ketuhanan. Ketika mana jiwanya dimurnikan dari syahwat dalam mangkuk pijar kezuhudan, dia bangkit ke darjat tertinggi. Dan dia tidak lagi menjadi hamba kepada nafsu dan amarah, sebaliknya akan dianugerahi dengan sifat-sifat malaikat. Sesampainya dia kepada darjat tersebut, dia menemui Syurganya dengan merenungi hadrat Ilahi, dan tidak lagi memandang nikmat jasmani. Kimia kerohanian itu—yang menjayakan perubahan ini dalam dirinya, sepertimana alkimia yang menukarkan logam biasa menjadi emas—tidak mudah untuk ditemui. Atas tujuan inilah—yakni untuk membahaskan kimia ini dan kaedah-kaedahnya—aku telah mengusahakan tulisan ini, yang aku judulkan *Kīmīyā'* al-*Sa'ādah*.

Ilmu ini, yang tersembunyi dalam khazanah Tuhan, hanya boleh digali dari hati para Nabi. Dan barang siapa yang memburunya di ceruk-ceruk lain hanya akan hampa dan akan tergolong dalam kalangan orang-orang yang muflis di akhirat kelak ketika dia mendengar titah, "Demi sesungguhnya! Engkau di dunia dahulu berada dalam keadaan lalai tentang (perkara hari) ini, maka kami hapuskan kelalaian yang menyelubungimu itu, lalu pandanganmu pada hari ini menjadi tajam (dapat menyaksikan dengan jelasnya perkara-perkara hari akhirat)."[1]

Allah telah mengutuskan 124,000 orang Nabi untuk mengajarkan manusia tentang petua alkimia ini, dan cara untuk menyucikan hati dari sifat-sifat mazmumah dengan kezuhudan. Secara ringkasnya, kimia ini boleh diperihalkan sebagai usaha memalingkan diri dari dunia dan menumpukan sepenuh tumpuan kepada Tuhan. Petuanya ada empat: (1) mengenali diri (*ma'rifat al-nafs*); (2) mengenali Allah (*ma'rifatuLlāh*); (3) mengenali hakikat dunia; dan (4) mengenali hakikat akhirat. Akan aku jelaskan hakikat keempat-empat perkara ini menurut turutan.

1 *Qāf* (50):22.

Bab 1

Mengenali Diri
(*Ma'rifat al-Nafs*)

Wahai pencari rahsia ketuhanan! Ketahuilah bahawa kunci bagi pintu *ma'rifatuLlāh* ialah mengenali diri sendiri. Menurut sebuah hadith, "Barangsiapa yang mengenali dirinya, sungguh dia kenal akan Tuhannya (*man 'arafa nafsahu faqad 'arafa rabbahu*)." Al-Qur'ān juga menyebut, "Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di ufuk dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas bagi mereka ianya adalah benar."[2]

Jika engkau katakan, "Aku kenal akan diriku dengan sempurna." Maka, jawabku, "Yang engkau kenali itu ialah jisim yang zahir (al-jism al-*ẓāhir*)—iaitu tangan dan kakimu, mata dan mulutmu." Yang demikian itu tidak akan sesekali menjadi kunci *ma'rifatuLlāh*. Begitu juga jika pengenalanmu hanyalah sebatas apa yang ada dalam batinmu—yakni, pengetahuan berkenaan jika engkau merasa marah, lalu engkau mencari cara untuk melampiaskannya; dan jika engkau merasa berahi, lalu engkau mencari jalan untuk berkahwin; dan jika engkau lapar, lalu engkau mencari makanan; dan jika engkau dahaga, lalu engkau mencari minuman. Semua ini bukanlah istimewa, kerana ia terdapat juga pada binatang yang melata.

Sebaliknya, *ma'rifat al-nafs* yang hakiki adalah mengenali dirimu yang sebenar-benarnya; yakni, menjawab persoalan-persoalan seperti: Dari manakah engkau datang ke tempat ini? Untuk tujuan apakah engkau berada di dunia ini? Ke manakah akhirnya engkau akan pergi? Apakah itu kebahagiaan hakiki (*al-sa'ādah*) untukmu? Dan apakah itu kesengsaraan hakiki (*al-shaqāwah*) buatmu.

Hendaklah engkau tahu bahawa terhimpunnya dalam dirimu itu beberapa sifat: (1) sifat kebinatangan (*al-bahā'im*), (2) sifat binatang buas (*al-sibā'*), (3) sifat kesyaitanan (*al-shayāṭīn*), dan (4) sifat malaikat (*al-malā'ikah*). Oleh itu, hendaklah engkau kenali sifat manakah yang mendatang, dan sifat manakah yang hakiki. Selagi engkau tidak tahu sifat manakah yang menguasai watakmu, engkau tidak akan dapat meraih kebahagiaan hakiki.

Jika watakmu dikuasai sifat kebinatangan, yang mana hakikatnya adalah untuk makan dan minum, maka siang dan malam engkau akan sibuk mencari makanan dan minuman. Jika watakmu dikuasai sifat binatang buas, yang mana hakikatnya adalah untuk memecah dan memukul, untuk mencedera dan menghancurkan, maka siang dan malam engkau akan sibuk dengan kegiatan-kegiatan tersebut. Jika watakmu dikuasai sifat syaitan, yang penuh dengan rencana jahat, tipu daya dan helah, maka wajib untuk kau kenali dan waspada terhadapnya, agar engkau berupaya berpaling ke jalan yang selamat dan kesempurnaan.

Langkah pertama dalam mengenali diri adalah dengan mengetahui bahawa dirimu itu diciptakan daripada bentuk zahir, yang dikenali sebagai jasad, dan sesuatu yang batin, yang dikenali sebagai hati (qalb) atau roh (*rūḥ*).[3] Apabila memerihalkan hati, aku tidak maksudkan seketul daging yang terletak di bahagian

2 Fuṣṣilat (41):53.

3 Dalam kejadian insan, roh (*al-rūḥ*), hati (al-qalb), akal (*al-'aql*), dan jiwa (al-nafs) ialah satu entiti yang sama. Namun, ia diberikan empat nama yang berbeza sesuai dengan fungsinya. Setiap aspek *rūḥ*—baik sebagai roh, hati, akal, dan jiwa—memainkan dua cabang fungsi: fungsi rohani dan fungsi jasmani.

kiri di dalam dada manusia, kerana seketul daging itu dapat juga ditemui pada binatang dan mayat—ia dapat dilihat dengan mata kasar, dan berasal daripada dunia ini (*ʿālam al-shahādah*). Hati yang aku maksudkan ialah sesuatu yang mengerahkan daya-daya lain di dalam jasad sebagai alat dan khadamnya. Hakikatnya, hati itu bukan berasal daripada alam ini. Meskipun ia datang untuk menghuni dunia ini, kedatangannya itu hanyalah seperti seorang yang berkelana di negeri asing dan akan segera disusuli keberangkatannya ke alam akhirat. Ilmu inilah yang menjadi kunci *maʿrifatuLlāh*.

Sebahagian pengetahuan tentang hakikat hati itu boleh diperolehi apabila seseorang itu menutup matanya dan melupakan semua perkara kecuali kediriannya (nafsiyyah). Dengan cara itu, dia dapat memahami sifat kelangsungan kedirian tersebut. Namun, Sharīʿah melarang kita daripada terlalu sibuk mengkaji sifat hakiki roh itu. Al-Qurʾān menyebutkan, "Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: 'Roh itu merupakan urusan Tuhanku; dan kalian tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja.'"[4] Justeru, tidak banyak yang diketahui perihal hati itu melainkan hanya ia berasal dari ʿālam al-amr[5] dan bahawa kewujudannya bukanlah sejak azali, tetapi telah diciptakan sebagai makhluk yang baharu. Ilmu yang bersifat falsafi mengenainya bukanlah menjadi syarat untuk menelusuri jalan agama, tetapi sebagai hasil *mujāhadah* atas jalan tersebut, sepertimana yang telah termaktub dalam al-Qurʾān, "Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh atas jalan [agama] Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami."[6]

4 *al-Isrā'* (17):85.

5 ʿĀlam al-amr merujuk kepada entiti-entiti yang diciptakan oleh Allah yang tidak memiliki sifat-sifat kewujudan fizikal seperti ukuran saiz dan ukuran kadar (*al-taqdīr*), memakan ruang (mutaḥayyiz), dan lain-lain sifat (ʿaraḍ; jamak: *aʿrāḍ*) seperti yang terdapat dalam topik perbahasan *al-maqūlāt*.

6 *al-ʿAnkabūt* (29):69.

Ketahuilah bahawa jasad itu adalah seumpama sebuah bandar (*al-madīnah*),[7] hati ialah rajanya, dan semua deria dan daya ialah askar-askarnya. Akal (ʿaql) ialah wazirnya, syahwat (shahwah) ialah pengutip cukainya (*al-wālī*), dan amarah (ghaḍab) sebagai polisnya. Namun begitu, syahwat itu bersifat penipu (*kadhdhāb*), suka mengambil kesempatan (fuḍūlī) atas alasan mengutip cukai, dan pemutar belit (mukhalliṭ). Ia sentiasa sedia untuk mengingkari arahan akal, dan selalu ingin mengambil kesempatan untuk keuntungannya sendiri. Manakala, amarah pula lekas mengganas (*sharīr*), suka membunuh (*qattāl*), dan suka membuat kerosakan (*kharrāb*).

Oleh itu, hendaklah si raja bermesyuarat dengan perdana menterinya dan meletakkan si pengutip cukai dan polis di bawah kelolaan perdana menteri, tetapi kedua-duanya juga tidak patut dibunuh, kerana terdapat peranan yang penting sesuai untuk mereka. Jika dia berbuat demikian, maka kerajaannya menjadi aman damai dan bandarnya menjadi makmur. Jika tidak, nescaya hancurlah kerajaannya, dan jiwa akan menjadi rosak. Jiwa yang membiarkan kedua-dua daya syahwat dan amarah untuk bermaharajalela adalah seperti meletakkan seorang malaikat di bawah kuasa seekor anjing atau seperti seorang Muslim yang dicampakkan di bawah penindasan seorang pemerintah kafir yang zalim.

7 Menariknya, kalimah *madīnah* berkongsi kata akar dengan agama (*dīn*) dan hutang (dayn). Dalam ulasannya berkenaan asas etika Islam, Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas menyebutkan bahawa perkongsian kata akar ini menunjukkan kaitan rapat antara agama dengan kehidupan bandar. Agama merupakan cara yang diajarkan oleh Tuhan untuk kita melangsaikan hutang kewujudan dengan-Nya. Manakala, kehidupan bandar merupakan lapangan untuk pengamalan agama pada tahap yang tertinggi. Oleh itu, tidak dapat tidak, pengamalan agama hanya menjadi benar-benar sempurna jika kita hidup dalam sebuah masyarakat yang maju tata hidup sosialnya. Rujuk Syed Muhammad Naquib al-Attas, "Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak" dalam Himpunan Risalah (Kuala Lumpur: IBFIM, 2015), 223–332.

Ketahuilah bahawa, hari ini di dunia, insan mengambil rupa bentuk anak Ādam. Namun, esok di Akhirat kelak akan tersingkap hakikat sebenar dirinya. Dan rupanya akan mengikuti bentuk hakikat dirinya. Justeru, orang-orang yang dikuasai amarah akan mengambil bentuk anjing. Manakala, orang-orang yang dikuasai syahwat akan mengambil bentuk khinzir. Ini kerana rupa akan mengambil bentuk hakikat (al-*ṣuwar tābiʿatun li al-maʿānī*). Matlamat jihād ini adalah menyucikan hati daripada sebarang karat nafsu dan amarah, sehingga menjadi seperti sebuah cermin yang jernih yang mampu memantulkan cahaya Ilahi.

Mungkin ada yang membangkitkan suatu persoalan, "Jika insan telah diciptakan dengan sifat-sifat kebinatangan, kesyaitanan, dan kemalaikatan, bagaimana kita boleh tahu yang sifat malaikat itulah sifat hakikinya, dan yang lain-lain itu hanya sifat-sifat mendatang?" Jawabku: hakikat setiap makhluk itu mendaklah dicari pada apa yang tertinggi dan yang khusus hanya untuk makhluk itu sahaja. Justeru, misalnya, kedua-dua kuda dan keldai merupakan haiwan pembawa beban. Namun, kelebihan kuda berbanding keldai ialah kuda merupakan haiwan tempur (yakni membawa peralatan perang dan pahlawan). Jika ia tidak lagi mampu berperanan sebagai haiwan tempur, maka darjatnya menjadi rendah hanya sebagai haiwan pembawa beban.

Begitu juga halnya dengan insan, daya yang tertinggi yang terdapat pada dirinya ialah akal, yang dimuatkan ke dalam dirinya dengan tujuan merenungi kebesaran Allah. Jika inilah yang menguasainya, maka apabila dia sudah mati kelak, dia akan meninggalkan semua kecenderungan nafsu dan amarah, serta mampu menyertai para malaikat. Manakala, perihal sifat-sifat kebinatangan yang terdapat dalam dirinya, insan itu lemah berbanding haiwan-haiwan lain. Akallah yang menjadikannya lebih unggul dan mulia, sepertimana yang telah al-Qurʾān sebutkan, "Dan Dia telah menundukkan segala yang ada di langit dan yang ada di bumi untuk (faedah dan kegunaan) kamu...."[8] Sebaliknya, jika kecenderungan haiwaniahnya yang menguasai dirinya, selepas mati nanti dia tetap akan merindukan keseronokan-keseronokan duniawi.

Dengan akal itulah dia mampu menguasai pelbagai seni dan ilmu, boleh menyayap dari bumi ke langit dan ke bumi semula dalam sekelip mata, dan mampu memetakan langit dan mengukur jarak antara bintang-bintang. Dengan akal juga insan berdaya memancing ikan dari laut, memikat burung dari langit, dan menundukkan pelbagai jenis haiwan seperti gajah, unta, dan kuda. Pancainderanya (al-*ḥawwās al-khamsah*) pula seperti pintu yang membuka ke ruang alam nyata (*ʿālam al-shahādah*); dan yang lebih menakjubkan daripada itu ialah hatinya yang berfungsi sebagai sebuah jendela yang membuka ke ruang alam ghaib (*ʿālam al-malakūt*).

Sewaktu tidurnya, ketika pancaindera tertutup daripada menerima pancaran alam nyata, jendela ini akan terbuka luas dan insan mampu menerima pancaran dari alam ghaib—bahkan kadang-kadang memberikannya pengetahuan tentang peristiwa yang belum berlaku. Dalam keadaan ini, hatinya berperanan seumpama cermin yang memantulkan apa yang tergambar di Lawḥ Maḥfūẓ. Pun begitu, meskipun dalam mimpi, jiwa insan tetap sentiasa disibukkan dengan fikiran-fikiran keduniaan, lalu memudarkan cermin tersebut, dan mengaburkan pancaran-pancaran [dari Lawḥ Maḥfūẓ] itu. Namun demikian, selepas mati, fikiran-fikiran keduniaan itu akan hilang dan hakikat segala sesuatu akan menjelma secara nyata. Maka, benarlah pengumuman al-Qurʾān, "...maka kami hapuskan kelalaian yang menyelubungimu. Lalu, pandanganmu pada hari ini menjadi jelas (dapat menyaksikan dengan jelasnya perkara-perkara hari akhirat)."[9]

8 *al-Jāthiyah* (45):13.

9 *Sūrat Qāf* (50):22.

Pembukaan jendela hati untuk menyaksikan perkara-perkara ghaib ini berlaku dalam pengalaman-pengalaman yang hampir serupa dengan penerimaan wahyu, ketika mana *ilhām* memancar dalam akal tanpa wasilah inderawi. Semakin seseorang itu menyucikan dirinya daripada kemelut nafsu dan menumpukan segenap jiwanya kepada Allah, maka semakin mudah untuk dia menerima *ilhām-ilhām* sedemikian. Dan barang siapa yang tidak dikurniakan dengan pengalaman tersebut tidak berhak untuk menafikan kebenarannya.

Dan jangan sesekali engkau menyangka bahawa pengalaman ini khusus hanya buat para Nabi sahaja. Sepertimana mana-mana logam pun memiliki potensi untuk dijadikan cermin yang memantulkan imej, begitu juga setiap anak Ādam boleh dilatih agar menjadi sedia untuk menerima ilh*ām* sebegitu. Hanya sahaja jika besi itu berkarat, maka ia perlu ditempa semula. Jika ia pudar, maka ia perlu digilap. Dan jika ia rosak, maka perlu dibaiki. Inilah apa yang dimaksudkan ketika mana Rasulullah bersabda, "Tidak ada seorang pun yang lahir melainkan dalam keadaan fitrah; kedua-dua orang tuanyalah yang menjadikan Yahudi, Nasrani, atau Majusi."[10] Begitulah fitrah anak Ādam yang dijadikan untuk mengenal dan mengiktiraf Tuhan (al-taṣdīq *bi al-rubūbiyyah*). Al-Qur'ān telah menyebutkan:

...dan Dia jadikan mereka saksi ke atas diri mereka sendiri, (sambil bertanya dengan firman-Nya), "Bukankah Aku Tuhan kamu?" Mereka semua menjawab, "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi."[11]

Akan tetapi, sebahagian manusia memiliki hati yang sangat berkarat dan kotor sehinggakan tidak ada apa-apa yang boleh dipantulkan di hati mereka, manakala para Nabi dan awliyā'—sungguhpun mereka itu makhluk bernafsu seperti kita—sangat halus untuk menerima *ilhām* Ilahi.[12]

Selain itu, jiwa insan itu tidak dirafak ke darjat tertinggi dalam kalangan makhluk oleh sebab ilmu sahaja—baik yang diperolehi melalui pengajian (*al-ta'līm*) mahupun secara penyingkapan (al-kashf)—tetapi juga kerana kuasa dan wewenang. Sedang para malaikat berkuasa ke atas unsur-unsur,[13] insan pula diberikan kuasa untuk memerintah anggota-anggota jasadnya. Dan jiwa yang meraih darjat tertentu bukan hanya dikurniakan kelebihan untuk memerintah jasad sendiri sahaja, tetapi juga jasad orang-orang lain. Jika dia menginginkan seorang pesakit untuk sembuh, maka dia akan sembuh; atau jika dia menginginkan agar seseorang itu hadir, maka dia akan hadir. Bergantung kepada jenis kesan kekuatan jiwa-jiwa tersebut—sama ada baik atau jahat—perbuatan itu akan dikenali sama ada sebagai mukjizat (*mu'jizat*) dan keramat (*karāmah*) atau sihir (si*ḥ*r).

Jiwa-jiwa yang mampu menguasai jiwa-jiwa lain ini lebih istimewa berbanding jiwa-jiwa manusia biasa dalam tiga perkara: (a) apa yang biasa dilihat oleh manusia biasa dalam mimpi, jiwa-jiwa ini dapat menyaksikannya secara sedar (yaqaẓah); (b) sedang *irādah* manusia biasa itu hanya mampu menggerakkan jasad sendiri sahaja, jiwa-jiwa khas ini dapat menggerakkan jasad-jasad selain mereka;[14] dan (c) sedang ilmu manusia biasa

10 Riwayat Abū Dāwūd dalam *Sunan Abī Dāwūd*, no. 4716.

11 *Sūrat al-A'rāf* (7):172.

12 Sepertimana yang diisyaratkan dalam al-Qur'ān, "Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku...." al-Kahf (18):110.

13 Dalam sistem kosmologi al-Ghazālī, para malaikat merupakan agen yang bertanggungjawab menggerakkan sistem fizik alam nyata. Manakala, sistem fizik yang dipegang oleh beliau pula ialah fizik unsur (elemental physics) yang berasaskan api, air, tanah, udara, dan eter (ether). Dengan perintah Tuhan, para malaikatlah yang bertanggungjawab membentuk dan menggerakkan alam nyata seperti kejadian api membakar, air membasah, tarikan graviti, dan sebagainya. Lihat Frank Griffel, *al-Ghazālī's Philosophical Theology* (New York: Oxford University Press, 2009).

14 Termasuk juga objek-objek pegun dan tidak bernyawa.

diperolehi melalui jerih payah pengajian, mereka mendapat ilmu melalui *ilhām*.

Tentunya, sifat-sifat jiwa yang khas ini tidak terbatas sekadar tiga ciri ini sahaja, tetapi tiga ini sahaja yang sempat aku ingati. Justeru, sepertimana tidak ada sesiapa pun yang mengenali hakikat d*hāt* Allah melainkan Dia sendiri, sebegitu juga tidak ada yang mengenali seorang Nabi melainkan seorang Nabi. Dan ini bukanlah sesuatu yang menghairankan, kerana dalam hal ehwal harian pun kita dapat perhatikan bagaimana, misalnya, mustahil untuk menjelaskan keajaiban syair kepada telinga yang buta irama dan nada, atau keindahan warna kepada mata yang buta warna. Selain keterbatasan daya, banyak sebab lain yang menjadi penghalang kepada ma'rifah. Salah satunya ialah ilmu yang diperolehi melalui jalan zahir.

Sebagai perumpamaan, hati itu umpama sebuah telaga, dan pancaindera sebagai saluran-saluran yang berterusan membekalkan air ke dalam telaga itu. Untuk menggali makdan hati, saluran-saluran ini mestilah dihentikan buat sementara waktu, dan bahan-bahan mendapan dan bendasing yang dibawa bersamanya mestilah dibuang terlebih dahulu. Dengan kata lain, untuk meraih *ma'rifah*, kita perlu mengetepikan buat sementara waktu pengetahuan-pengetahuan zahir yang kebanyakan waktunya yang mengeras sebagai pegangan *taqlīd*.

Namun demikian, di satu sudut yang lain, terdapat pula orang-orang yang cetek yang melakukan kesilapan yang sama dan memperkecilkan semua jenis ilmu zahir. Perumpamaan orang-orang sedemikian seperti seorang yang sibuk menjaja, "ilmu kimia itu lebih berharga daripada emas," dan dengan itu enggan menerima sebarang pemberian emas. Memang, ilmu kimia itu nyata lebih berharga berbanding emas, namun ahli kimia hakiki itu amatlah nadir, sepertimana juga ahli Ṣūfī yang sebenar. Barangsiapa yang cuma memiliki sekadar secebis ilmu taṣawwuf tidaklah lebih unggul berbanding seorang ulama, sepertimana seorang yang baru menjalankan beberapa uji kaji kimia yang remeh tidak berhak untuk memperkecilkan seorang yang kaya dengan emas.

Sehubungan dengan itu, nyatalah bahawa sesiapa sahaja yang benar-benar menekuni perihal ini akan sedar bahawa kebahagiaan itu terikat dengan *ma'rifatuLlāh*. Setiap daya yang diciptakan dalam diri kita ini akan berbahagia dengan nikmat yang diciptakan untuknya: syahwat berseronok dengan menuruti nafsu, amarah berseronok dengan melampiaskan dendam, mata dengan objek-objek indah, dan telinga dengan bunyi-bunyian merdu. Manakala, kegiatan tertinggi bagi hati adalah menanggapi hakikat—maka, dalam hakikatlah ia menemui kebahagiaan. Dalam sekecil-kecil kegiatan pun, seperti mempelajari permainan catur, kebahagiaan dapat dicari.

Dan semakin mulia mauduk ilmunya, semakin hebatlah kebahagiaannya. Seseorang itu merasakan bahagia jika dia dapat menjadi orang terpercaya bagi perdana menteri, tetapi betapa kebahagiaan menjadi orang yang dipercayai oleh raja itu lebih-lebih lagi besar. Seorang ahli falak yang berkemahiran untuk memetakan bintang-bintang di langit dan memerihalkan pergerakannya lebih menikmati kebahagiaan daripada ilmunya berbanding seorang pemain catur. Oleh sebab tidak ada sesuatu pun yang lebih unggul dan mulia berbanding Allah, maka sudah tentu kebahagiaan yang didapati melalui ilmu berkenaan-Nya tidak dapat ditandingi!

Seseorang yang hilang keinginan terhadap ilmu m*a'rifah* ini seumpama seorang yang telah hilang seleranya terhadap makanan-makanan bergizi, atau seperti seorang yang lebih rela memakan tanah berbanding roti. Semua selera jasmani akan fana dengan kematian jasad, tetapi jiwa itu tidak akan mati, dan bukan sahaja ia menyimpan *ma'rifah* yang dimilikinya, bahkan ilmunya itu akan bertambah-tambah.

Jika seseorang itu ingin mendapatkan *maʿrifatuLlāh*, hendaklah dia mengerti tentang keajaiban kejadian dirinya sendiri yang akan menyingkapkan kepada kita kudrat, hikmah, dan rahmat *al-Bāriʾ*.[15] Kudrat-Nya terserlah dalam penciptaan bentuk insan yang luar biasa daripada hanya setitis air yang hina (*māʾ mahīn*); hikmah-Nya tersingkap dalam kesenian dan kehalusan setiap anggotanya yang saling bekerjasama; dan rahmat-Nya terlihat dalam membekalkan bukan sahaja anggota-anggota yang penting untuk kelangsungan hidup seperti limpa, hati, jantung, dan otak, tetapi juga mengurniakannya anggota-anggota yang tidak diperlukan untuk hidup seperti kaki, lidah, dan mata. Malah, Allah telah memperindahkan pula ciptaan insan dengan rambut yang hitam dan lebat, bibir yang merah dan mulus, dan kening yang melengkung elok.

Sungguh, insan itu ialah alam kecil (*al-ʿālam al-ṣaghīr*). Susun atur kejadiannya itu begitu menakjubkan, bukan sahaja orang-orang yang berhajat untuk menjadi tabib perlu menelitinya, tetapi juga sesiapa sahaja yang ingin mengenali Allah dengan akrab, sepertimana menelaah lenggok bahasa sebuah syair yang hebat membolehkan seseorang untuk lebih mengenali kehebatan penyairnya.

Sungguhpun demikian, ilmu yang lebih penting dan lebih membawa seseorang untuk mengenali Allah berbanding ilmu tentang kejadian dirinya (*ʿilm al-tashrīḥ*)[16] ialah ilmu tentang jiwa (*maʿrifat al-nafs*). Jasad itu boleh diumpamakan sebagai kuda tunggangan, manakala jiwa sebagai penunggangnya. Kedua-duanya saling diciptakan untuk sesama sendiri. Jika seseorang itu fakir daripada memiliki ilmu tentang kedua-dua perkara ini, maka dia tidak akan mengenali dirinya sendiri. Dan jika dia gagal mengenali diri sendiri, yang merupakan perkara yang terhampir kepada dirinya, lalu apalah gunanya mendakwa untuk mengenali yang lain? Hal itu seakan-akan seperti seorang fakir yang mendakwa mampu untuk memberi makan kepada seluruh penduduk sebuah kota.

Demikianlah dalam bab ini kami telah cuba membahaskan tentang keunggulan jiwa insan. Barangsiapa yang mengabaikannya pasti akan membuntuti syahwat dan amarahnya, dan jiwanya akan berkarat, serta dia akan menanggung kerugian di dunia dan di akhirat kelak. Seseorang itu benar-benar menjadi terulung dengan kemajuan rohaninya. Sebaliknya, dalam kalangan makhluk di dunia ini dialah yang paling lemah dan mudah terdedah kepada lapar dan dahaga, panas dan sejuk, dan kesengsaraan. Di dunia ini seringkali perkara-perkara yang kononnya menjanjikan keseronokan ialah adalah yang paling memudaratkannya, manakala perkara-perkara yang benar-benar bermanfaat buatnya tidak mudah untuk dikejar tanpa jerit perih. Berkenaan akalnya pula, hanya sedikit kecacatan sahaja sudah memadai untuk menjadikannya gila; perihal kekuatannya, hanya sedikit sengat lebah sudah cukup untuk membuatkannya tidak mudah tidur lena; berkaitan barannya, dia amat mudah hilang punca walaupun dengan sekecil-kecil kehilangan, dan perihal keindahan rupa parasnya, apalah sangat sekadar daging yang jijik diselimuti kulit yang cantik. Jika bukan kerana mandian yang kerap, mudah sekali untuk dia menjadi busuk dan meloyakan.

15 Allah memiliki tiga nama yang semuanya diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu sebagai Maha Pencipta. Tiga nama tersebut ialah *al-Khāliq*, *al-Bāriʾ*, dan al-Muṣawwir. Ketiga-tiga nama ini membawa makna yang tersendiri. Al-Ghazālī menjelaskan hubungan antara ketiga-tiga nama ini seperti berikut: Setiap sesuatu yang keluar daripada ketidakwujudan menjadi wujud memerlukan, pertamanya, ketentuan (*taqdīr*). Kedua, sesuatu itu perlulah diwujudkan sesuai dengan ketentuan tadi (*al-ījād ʿalā wafqi al-taqdīr*). Ketiga, selepas ia diwujudkan, sesuatu itu memerlukan pembentukan atau pengolahan rupa (al-taṣwīr). Allah sebagai *al-Khāliq* berperanan melaksanakan keperluan pertama, sebagai *al-Bāriʾ* untuk keperluan kedua, dan sebagai al-Muṣawwir untuk keperluan ketiga. Lihat: al-Ghazālī, al-Maqṣad *al-Asnā fī Sharḥ AsmāʾiLlāh al-Ḥusnā* (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2020), 148.

16 Iaitu ilmu anatomi.

Hakikatnya, insan di dunia ini amatlah daif dan dibenci. Hanya di akhirat sahaja dia boleh menjadi bernilai—hanya jika dia berjaya meningkatkan darjatnya sendiri daripada darjat binatang ke darjat malaikat. Jika tidak, sebaliknya dia akan jatuh ke darjat binatang, yang akan hancur menjadi debu. Dia harus sedar tentang kedua-dua kemuliaan dan kehinaannya, kerana kesedaran ini sebahagian daripada kunci *ma'rifatuLlāh*.

Bab 2

Mengenali Allah (*Ma'rifatuLlāh*)

Telah maklum bahawa Rasulullah pernah bersabda, "Barangsiapa yang kenal akan dirinya, maka dia kenal akan Allah," yakni, dengan merenungi kejadian dirinya, insan dapat meraih sedikit ilmu tentang Allah. Akan tetapi, oleh sebab ramai yang telah cuba merenungi kejadian dirinya namun tidak dapat mengenali Allah, maka sudah semestinya terdapat cara yang khusus untuk melakukannya. Malahan, terdapat dua cara untuk melakukannya, tetapi salah satu cara tersebut amat sulit untuk difahami dan justeru lebih baik ditinggalkan. Maka, cara yang lain pula menyusul seperti berikut.

Apabila seseorang itu memikirkan tentang dirinya, dia akan sedar bahawa sebelum ini dia belum pernah wujud. Al-Qur'ān menyebutkan, "Bukankah telah berlalu kepada manusia suatu ketika dari masa (yang beredar), sedang ia (masih belum wujud lagi, dan) tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut?"[17] Selain itu, dia sedar bahawa dia telah dijadikan daripada setitis air yang tidak berakal, berpenglihatan, berpendengaran, tidak berkepala, tidak bertangan, tidak berkaki, dan lain-lain. Kesimpulannya, apa sahaja kesempurnaan yang dimiliki olehnya kini bukanlah hasil kudratnya sendiri, kerana tidak ada sehelai rambut pun yang mampu dia jadikan dengan sendiri.

17 Al-*Insān* (76):1.

Betapa keadaannya sebagai setitis air ketika itu amatlah daif berbanding kini. Maka, sepertimana yang telah kami sebutkan, dalam dirinya itu terdapat cebisan kudrat, hikmah, dan rahmat Tuhan. Jika seluruh cendekiawan di dunia ini dihimpunkan dan usia mereka dipanjangkan tanpa had, sedikit pun ilmu mereka itu tidak mampu untuk membuat sebarang penambahbaikan kepada hanya satu anggota badan sekalipun.

Sebagai contoh, susunan gigi hadapan, taring, dan geraham bagi tujuan mengunyah, kedudukan lidah, kelenjar air liur, dan tekak untuk tujuan menelan makanan, terdapat kebijaksanaan yang mustahil untuk ditambah baik. Selain itu, jika kejadian tangan diteliti, dengan lima jari yang tidak sama panjangnya, empat jari dengan tiga sendi, tetapi hanya ibu jari sahaja yang mempunyai dua sendi, dan bagaimana tangan itu berfungsi ketika memegang, membawa, dan memukul, pasti akan memperlihatkan bahawa tidak ada sekelumit pun kebijaksanaan manusia yang mampu menambah baik susunan dan bilangan jari-jari tersebut.

Apabila seseorang itu fikirkan dengan lanjut bagaimana setiap kemahuannya—makanan, tempat berteduh, dan sebagainya—dibekalkan secukupnya daripada khazanah-Nya, dia akan sedar bahawa rahmat Tuhan amatlah luas, sepertimana yang Dia sendiri isytiharkan, "Sungguh, rahmatKu itu melebihi amarahKu," dan menurut sebuah hadith, "Sungguh, Allah itu lebih penyayang terhadap hamba-Nya berbanding seorang ibu terhadap anaknya yang masih menyusu."[18] Kesimpulannya, daripada penciptaannya sendiri, insan dapat tahu tentang kewujudan Tuhan; daripada susuk tubuhnya dia kenal akan kudrat dan hikmah-Nya; dan daripada segala bentuk bekalan hidup dia kenal akan rahmat Tuhannya. Beginilah mengenali diri menjadi kunci untuk mengenali Allah.

18 "Kitāb al-Adāb," dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. 30.

Bukan sahaja sifat-sifat insan menjadi cerminan sifat-sifat Allah, malahan kaifiat kewujudan jiwa juga menyediakan sedikit ilmu tentang kaifiat kewujudan Allah; yakni, kedua-dua Allah dan jiwa insan itu wujud secara ghaib, tidak terbahagi, tidak tertakluk kepada ruang dan masa, dan tidak tertakluk kepada bilangan (kammiyyah) dan kebagaimanaan (kayfiyyah); dan tidak juga terikat dengan bentuk, warna, dan ukuran. Umumnya manusia sukar untuk membayangkan kewujudan seperti ini yang tidak memiliki kammiyyah dan kayfiyyah, tetapi kewujudan sebegini dapat ditemui dalam diri kita seperti perasaan marah, sakit, suka, dan cinta. Semua ini ialah objek cerapan akal (*ma'qūlāt*) dan tidak dapat dicerap oleh pancaindera; sedangkan kammiyyah dan kayfiyyah itu objek cerapan pancaindera (*maḥsūsāt*). Sebagaimana telinga tidak boleh melihat warna, dan mata tidak boleh mendengar bunyi, begitu juga mencerap hakikat yang tinggi—seperti Tuhan dan jiwa—bukanlah ruang lingkup pancaindera. Begitu akrab persamaan antara Allah dengan jiwa insan sehinggakan kita dapat melihat, bagaimana Allah mentadbir alam dengan begitu teratur meskipun Dia sendiri berada di luar ruang dan waktu, dan kammiyyah dan kayfiyyah, begitu juga dapat kita perhatikan bagaimana jiwa mentadbir anggota jasad meskipun ia sendiri ghaib, tidak terbahagi, dan tidak terletak secara khusus di dalam mana-mana anggota. Betapa tidak, bagaimana mungkin sesuatu yang tidak terbahagi berada di dalam sesuatu yang terbahagi? Justeru, benarlah sabda Rasulullah, "Allah telah menciptakan Ādam dalam gambaran-Nya."[19]

Sesampainya kita kepada pengetahuan tentang *dhāt* dan sifat-sifat Allah melalui *dhāt* dan sifat-sifat jiwa, fahamlah kita tentang cara Allah mentadbir dan mewakilkan wewenang kepada para malaikat dan sebagainya, dengan melihat bagaimana kita sendiri mentadbir kerajaan kecil kita. Sebagai missal, katakan

19 "Kitāb al-Isti'dhān" dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. 1; dan "Kitāb al-Jannah wa Ṣifat Na'īmihā wa Ahlihā" dalam *Ṣaḥīḥ* Muslim, no. 32.

seseorang itu berniat untuk menulis nama Allah. Pertama sekali, niat tersebut terbentuk dalam hati, kemudian niat itu dipanjangkan ke otaknya oleh daya hidup (*rūḥ* al-*ḥayāt*). Lalu, bentuk kalimah "Allah" terbentuk dalam khayalnya, kemudian ia bergerak melalui saraf, dan memulakan gerak jari, yang seterusnya menggerakkan pena. Hasilnya, kalimah "Allah" pun terbentuk di atas kertas sebagaimana yang telah dibayangkan di dalam otak. Sedemikian juga apabila Allah berkehendak untuk menciptakan sesuatu, Dia menjadikannya ada pada Arasy (al-ʿArsh); kemudian perintah itu turun ke Singgahsana (al-Kursiyy); selepas itu bentuk (*ṣūrah*) perkara tersebut dijadikan ada pada Lawḥ al-Maḥfūẓ; yang kemudiannya disusuli dengan kemunculannya di alam nyata melalui perantara para malaikat dalam bentuk tumbuhan, haiwan, dan insan. Semua itu terjadi sepertimana yang termaktub dalam kehendak (*irādah*) dan ilmu Allah.[20]

Tidak ada seorang pun yang mengerti seorang raja melainkan seorang raja jua; demikianlah Allah telah menjadikan setiap insan "raja" bagi kerajaan kerdilnya sendiri, yang menjadi cerminan kepada kerajaan Allah. Dalam kerajaan insan ini, jiwa menyerupai Arasy; hati menyerupai raja; otak menyerupai "singgahsana"; dan daya khayal menyerupai Lawḥ al-Maḥfūẓ. Jiwa yang tidak bertempat dan tidak terbahagi itu mentadbir jasad sebagaimana Tuhan mentadbir alam. Pendeknya, setiap insan telah diamanahkan dengan sebuah kerajaan kecil, dan dia dipertanggungjawabkan agar tidak culas mentadbirnya.

Berkenaan perihal ilmu, terdapat banyak darjat ilmu. Seorang tabib hanyalah seumpama seekor semut yang melata di atas sehelai kertas. Semut itu memerhatikan abjad-abjad berdakwat hitam di atas kertas dan menyangka penyebab kewujudan abjad-abjad tersebut ialah pena. Manakala, seorang ahli falak pula umpama semut yang lebih luas pemerhatiannya yang dapat melihat tangan yang menggerakkan pena itu—dia tahu bahawa unsur-unsur di bumi terpengaruh dengan kesan daya objek-objek samawi, tetapi dia tidak sedar bahawa objek-objek samawi itu semua tertakluk di bawah daya para malaikat. Oleh sebab daya pemerhatian manusia saling berbeza darjat, maka berlakulah khilaf dalam mengenal pasti penyebab (sabab) bagi akibat (musabbab atau *athār*). Seseorang yang penglihatannya terbatas sekadar pada *ʿālam al-shahādah* adalah seumpama seorang yang antara hamba dengan raja. Benar, aturan alam (*sunnatuLlāh*) itu harus seragam dan tetap; tetapi amatlah besar kesilapan kekeliruan antara hamba dengan raja.[21]

Malangnya, selagi mana perbezaan darjat ini ada, selagi itulah khilaf akan terus berlaku. Hal ini seumpama sekumpulan

20 Menurut al-Ghazālī, proses penciptaan yang dilaksanakan oleh Allah terjadi dalam tiga turutan: hukum (*ḥukm*), pelaksanaan (qaḍā') dan ketentuan (qadar). Dalam turutan pertama, Allah membuat rencana kejadian alam dengan membentuk makhluk pertama, iaitu Arasy (yang juga dikenali sebagai al-muṭāʿ, yang bermaksud "yang ditaati"). Dalam turutan kedua, Allah menciptakan al-muṭāʿ itu. Dan ketiga, Allah menentukan kadar kewujudan al-muṭāʿ agar ia menghasilkan kesan yang dikehendaki. Selepas penciptaan makhluk pertama ini, semua makhluk lain diciptakan melalui perantaraannya—dengan cara memerintahkannya untuk menciptakan makhluk-makhluk lain. Kemudian, Arasy akan menyampaikan perintah tersebut kepada para malaikat yang kemudiannya mewujudkan objek yang sepatutnya mereka wujudkan. Oleh sebab itu, Arasy dikenali sebagai "yang ditaati." Lihat Griffel, *al-Ghazālī's Philosophical Theology*, 280.

21 Di sini al-Ghazālī mengambil kesempatan untuk mengkritik pegangan para ahli falsafah (*falāsifah*) yang memahami bahawa Tuhan "terpaksa" menciptakan alam, kerana Dia tidak memiliki sebarang pilihan sama ada untuk menciptakan atau tidak. Sebaliknya, sifat kewujudan Tuhan itu dengan sendirinya "melimpahkan" kewujudan-Nya sehingga alam terciptakan dengan sendirinya—Tuhan hanya mempunyai pilihan untuk menciptakan sekian-sekian makhluk, tetapi bukan pilihan untuk menciptakan atau tidak menciptakan. Menurut al-Ghazālī, kekeliruan ini menjadi pegangan mereka kerana para ahli falsafah terkeliru antara peranan Arasy dengan peranan Allah sendiri. Hubungan antara Allah dengan makhluk-Nya bukanlah hubungan sebab-musabab di mana penyebab tidak ada pilihan melainkan menghasilkan sebab tertentu—seperti api tidak ada pilihan selain menyebabkan pembakaran. Sebaliknya, Allah ialah pencipta, bukan sekadar penyebab. Lihat al-Ghazālī, *Tahāfut al-Falāsifah* (Utah: Young Brigham University Press, 2000).

orang buta yang ingin memeriksa seekor gajah yang masuk ke kampung mereka. Satu-satunya cara untuk mereka mengenali gajah itu hanyalah melalui deria sentuhan; maka, seorang memegang kakinya, seorang lagi gadingnya, dan seorang lagi telinganya. Menurut pendapat mereka yang berbeza-beza itu, gajah itu ialah sebatang tiang, sebatang kayu yang tebal, atau selembar selimut, setiap satunya mendakwa bahagian itulah gajah seluruhnya. Begitulah bagaimana kedua-dua tabib dan ahli falak menyangka aturan alam itulah Tuhan yang menyusun aturan tersebut. Kesilapan yang sama juga telah dinisbahkan kepada Nabi Ibrāhīm di mana baginda menyangka bintang-bintang, bulan, dan matahari sebagai Tuhan, sehinggalah akhirnya baginda sedar tentang Allah, lalu mengucapkan, "Aku tidak suka kepada yang terbenam hilang."[22]

Kesilapan kekeliruan antara sebab utama dan sebab pingan ini terdapat juga, misalnya, pada mengesan penyakit. Sebagai contoh, jika terdapat seorang pesakit yang hilang minat terhadap semua hal ehwal dunia, merasa jelik dengan perkara-perkara yang secara amnya dianggap hiburan, dan kelihatan tenggelam dalam kegusaran, seorang tabib akan berkata, "Ini penyakit kesedihan melampau dan memerlukan rawatan sekian." Manakala, seorang lagi tabib pula akan berkata, "Ini berpunca daripada kekeringan otak yang disebabkan oleh cuaca panas dan tidak boleh disembuhkan kecuali jika udara berubah

22 Al-An'ām (6):76. Al-Ghazālī tidak memaksudkan bahawa Nabi Ibrāhīm pernah menyembah objek-objek samawi itu semua. Sebaliknya, monolog Nabi Ibrāhīm ini menggambarkan proses akliah baginda dalam mencari Tuhan. Sememangnya, kerana menyedari bahawa berhala-berhala kaumnya tidak layak disembah, Nabi Ibrāhīm, sekalipun masih belum menerima wahyu, menggunakan akal baginda untuk mencari siapakah yang layak disembah. Dan turutan renungan yang bermula daripada berhala—yakni serendah-rendah makhluk—akan secara semula jadi membawa baginda kepada bintang-bintang, dituruti dengan bulan, dan akhirnya matahari—sebagai semulia-mulia makhluk menurut seorang insan yang belum menerima wahyu. Lihat Burhān al-Dīn al-Biqā'ī, Naẓm *al-Durar fī Tanāsub al-Āyāt wa al-Suwar* (Kaherah: Dār al-Kutub al-Islāmī, t.t.), jilid. 7, 155–160.

menjadi lembab." Seorang ahli nujum pula akan menisbahkan pertembungan orbit objek-objek samawi tertentu sebagai punca penyakit tersebut. "Sejauh itu sahajalah pengetahuan mereka," menurut al-Qur'ān.[23] Tidak tercapai dek ilmu mereka bahawa apa yang sebenarnya terjadi ialah Allah berkehendak untuk melakukan sesuatu demi kemaslahatan hamba-Nya itu, lalu telah memerintahkan para hamba-Nya—semua unsur dan objek samawi—agar menghasilkan keadaan penyakit itu di dalam dirinya, dengan tujuan agar hamba tersebut memalingkan diri daripada dunia dan mencari-Nya. Ilmu ini merupakan mutiara yang berharga dari laut *'ilm al-mukāshafah*, dan ilmu-ilmu lain semuanya hanyalah pulau-pulau di permukaan laut itu.

Sebetulnya, para tabib dan ahli nujum itu tepat dalam penilaian mereka menurut bidang ilmu masing-masing, tetapi mereka semua tidak dapat melihat bahawa penyakit itu merupakan tali cinta yang dengannya Allah menarik para awliyā'. Inilah yang Dia maksudkan dengan firman-Nya, "Dahulu Aku sakit, tetapi engkau tidak menziarahi Aku!"[24] Malahan, penyakit

23 Al-Najm (53):30.

24 Ḥadith penuhnya berbunyi: Daripada Abū Hurayrah bahawa Rasulullah telah bersabda, "Sungguh, pada Hari Kiamat kelak Allah akan berfirman: 'Wahai anak Ādam, dahulu Aku sakit tetapi engkau tidak pernah menziarahi Aku!' Hamba tersebut menjawab: 'Wahai Tuhan, bagaimana mungkin aku boleh menziarahi-Mu sedangkan Engkau ialah Tuhan seluruh alam?' Allah membalas: 'Tidakkah engkau tahu bahawa si fulan bin si fulan pernah jatuh sakit? Andai engkau pergi menziarahinya, tentu engkau akan menemui Aku!' Kemudian, Allah akan berfirman lagi: 'Wahai anak Ādam, dahulu Aku berlapar, tetapi engkau tidak pernah memberikan Aku makan.' Dia menjawab: 'Wahai Tuhan, bagaimana mungkin aku boleh memberikan Engkau makan sedangkan Engkau ialah Tuhan seluruh alam?' Allah membalas: 'Bukankah pernah hamba-Ku si fulan bin si fulan meminta makanan darimu? Andai sahaja engkau memberikannya makanan, tentu engkau akan menemui Aku!' Allah berfirman lagi: 'Wahai anak Ādam, dahulu Aku dahagakan air, tetapi engkau enggan memberikan Aku minuman.' Dia bertanya: 'Wahai Tuhan, bagaimana mungkin aku boleh memberikan Engkau minuman sedangkan Engkau ialah Tuhan seluruh alam?' Allah membalas: 'Bukankah pernah hamba-Ku si fulan bin si fulan meminta minuman darimu? Andai sahaja engkau memberikannya

juga menjadi salah satu bentuk yang membuatkan seseorang itu meraih ma'rifah.[25]

Apa yang telah aku sebutkan di atas memungkinkan kita untuk mendalami ungkapan-ungkapan para mukmin dengan lebih lanjut, seperti "maha suci Allah (*subḥānaLlāh*)," "segala puji bagi Allah (*al-ḥamdu liLlāh*)," "tiada Tuhan selain Allah (*lā ilāha illaLlāh*)," dan "Allah maha besar (*Allāhu akbar*)." Ungkapan "*Allāhu akbar*" itu bukanlah bermaksud bahawa Allah itu lebih ulung berbanding sekalian makhluk-Nya, kerana semua ciptaan-Nya itu ialah "tanda-tanda-Nya" (*āyāt*) sepertimana cahaya menunjukkan kepada matahari. Tidaklah tepat untuk kita katakan matahari itu lebih unggul daripada cahayanya sendiri. Sebaliknya, makna ungkapan tersebut ialah keunggulan Allah itu terlalu tinggi sehingga mengatasi daya faham manusia, dan bahawa kita hanya mampu memahami sebahagian kecil sahaja tentang Dia.[26] Katakan ada seorang kanak-kanak yang bertanya tentang keseronokan memegang kuasa, kita mungkin boleh katakan keseronokannya seumpama bermain bola, walaupun kedua-dua itu tidak ada sebarang persamaan melainkan sekadar kedua-duanya merupakan sejenis keseronokan.

minuman, tentu engkau akan menemui Aku!'." Diriwayatkan oleh Muslim, al-Arba'ūn al-Qudsiyyah, no. 18.

25 Seperti yang terjadi kepada Imam al-Ghazālī sendiri, terakam dalam karyanya al-Munqidh min al-*Ḍalāl*, terj. R.J. McCarthy (Louisville: Fons Vitae, 1999).

26 Ketika membaca perenggan ini, pembaca hendaklah berhati-hati daripada menyalah erti maksud Imam al-Ghazālī. Nukilan beliau ini tidak boleh sama sekali disalah erti sebagai membenarkan pegangan al-*ḥulūl*, al-*ittiḥād*, dan pelbagai fahaman lain yang menyamakan Tuhan dengan makhluk-Nya sepertimana yang telah dikritik oleh al-Ghazālī sendiri dalam karya-karya beliau yang lain. Sebaliknya, apa yang dimaksudkan oleh beliau ialah sekalian makhluk Allah ialah hasil perbuatan-Nya (*af'āluLlāh*). Oleh itu, tidaklah munasabah untuk mengatakan pelaku itu lebih hebat daripada perbuatannya sendiri, kerana sudah tentu jika pelaku itu unggul, maka perbuatannya juga mencerminkan keunggulan yang sama.

Justeru, ungkapan "*Allāhu akbar*" itu bermaksud kebesaran-Nya mengatasi semua daya kefahaman kita. Tambahan lagi, ma'rifah tentang Tuhan ini bukanlah didapatkan dengan cara membuat andaian liar (*ẓann*), tetapi mestilah didampingi dengan ibadah. Apabila seseorang itu mati, dia hanya akan berurusan dengan Allah sahaja; dan jika kita terpaksa hidup hanya dengan seorang peneman sahaja, kebahagiaan kita bergantung sepenuhnya kepada kekuatan cinta yang kita rasakan terhadap insan tersebut. Cinta ialah benih kebahagiaan, dan cinta akan Tuhan hanya dapat disemai dan disuburkan dengan ibadah.

Ibadah dan mengingati Allah yang berterusan menuntut agar seseorang itu memupuk sifat zuhud dan menundukkan keinginan jasmani. Ini bukan bermakna insan perlu membuang segala kehendak jasmani, kerana jika setiap insan berbuat demikian nescaya pupuslah bangsa manusia. Sebaliknya, batas yang ketat mestilah diletakkan dalam memenuhi tuntutan jasmani. Namun, oleh sebab seseorang itu bukanlah penilai terbaik dalam hal batas-batas ini, hendaklah dia mencari bimbingan para pembimbing rohani berkenaan perkara ini. Dan pembimbing-pembimbing ini adalah para Nabi dan Rasul, dan syariat-syariat yang telah mereka bawa hasil perintah wahyu—syariat-syariat inilah yang telah menggariskan batas-batas yang perlu dicermati dalam perihal rohani. Al-Qur'ān menyebutkan, "Dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka sesungguhnya ia telah berlaku zalim kepada jiwanya sendiri (faqad *ẓ*alama nafsahu)."[27]

Meskipun dengan peringatan ini, masih ada manusia yang melampaui batas-batas tersebut akibat kejahilan mereka. Dan kejahilan mereka itu adalah disebabkan oleh beberapa sebab. Pertama, terdapat manusia yang mendakwa bahawa Tuhan tidak wujud, dek kegagalan mereka membuktikan kewujudan-Nya dengan cara memerhatikan alam. Lalu, mereka menyangka

27 Al-*Ṭalāq* (65):1.

bahawa alam yang menakjubkan ini tercipta dengan sendiri, atau telah wujud sejak azali. Mereka ini seakan-akan seorang yang melihat abjad-abjad yang termaktub indah, tetapi menyangka bahawa ia tertulis dengan sendiri, atau memang sudah berada dalam keadaan demikian sejak azali. Orang-orang seperti ini sudah terlalu jauh berada dalam kesesatan sehingga tidak ada lagi manfaat untuk berhujah dengan mereka. Begitulah keadaan sebahagian tabib dan ahli falak dan nujum yang telah kami sebutkan di atas.

Manakala, sebahagian manusia yang lain pula jahil tentang hakikat jiwa, lalu mereka menafikan kebenaran kehidupan akhirat, di mana manusia akan dihisab serta sama ada diberikan ganjaran atau dihukum. Mereka memandang diri sendiri tidak lebih daripada sekadar sejenis haiwan dan tumbuhan yang akan lupus, tidak dibangkitkan semula. Selain itu, terdapat juga segolongan manusia yang percaya tentang kewujudan Tuhan, tetapi beriman dengan iman yang lemah. Mereka mendakwa, 'Tuhan itu maha besar dan tidak memerlukan kita; Dia sama sekali tidak hairan akan ibadah atau maksiat kita." Mereka ini seumpama seorang yang sakit tenat, tetapi apabila tabib memberikan penawar, dia membalas, "Jika aku turuti atau tidak turuti nasihat tabib, apa kepentingannya kepada si tabib?" Memanglah, penyakitnya tidak ada sebarang kepentingan bagi si tabib, tetapi dia sendirilah yang akan menanggung akibat kedegilannya. Sepertimana jasad yang berpenyakit dan tidak dirawat pasti akan berakhir dengan kematian, begitu juga jiwa yang berpenyakit dan tidak dirawat pasti akan berakhir dengan kesengsaraan akhirat, sebagaimana yang telah disebutkan dalam al-Qur'ān, "Kecuali jiwa-jiwa yang datang menghadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera (daripada syirik dan munafik)."[28]

28 *Al-Shu'arā'* (26):89.

Golongan jenis keempat pula mendakwa, "Sharī'ah memerintahkan agar kita menundukkan amarah, nafsu, dan kemunafikan. Ini amat mustahil, kerana insan telah diciptakan dengan sifat-sifat ini dalam dirinya. Alang-alang demikian, kenapa tidak perintahkan manusia untuk jadikan hitam sebagai putih sahaja?" Orang-orang jahil ini sengaja mengabaikan hakikat bahawa syariat agama ini tidak mengarahkan agar kita membuang semua sifat ini, tetapi hanya menundukkan sifat-sifat itu sesuai dengan batas-batas syariat sahaja, dengan harapan agar dosa-dosa kecil kita dihapuskan kerana meninggalkan dosa-dosa besar. Bahkan, Rasulullah juga pernah bersabda, "Aku ini juga anak Ādam, dan aku merasai amarah sepertimana anak-anak Ādam lain juga merasai kemarahan."[29] Dan dalam al-Qur'ān Allah berfirman, "...dan orang-orang yang menahan kemarahannya (*al-kāẓimīn*), dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik."[30] Allah menyebut "orang-orang yang menahan kemarahannya (*al-kāẓimīn*)," bukan orang-orang yang tidak merasai kemarahan langsung.

Golongan kelima ialah orang-orang yang semata-mata bergantung harap kepada rahmat Allah dan mengabaikan keadilan-Nya, dan menipu diri sendiri dengan berkata, "Apa sahaja yang kita lakukan, Allah akan mengampuni kita, kerana Dia maha penyayang." Mereka lupa bahawa meskipun Allah itu maha penyayang, jutaan manusia telah menemui maut akibat kebuluran dan penyakit. Mereka sedar bahawa sesiapa sahaja yang menginginkan rezeki mestilah mengerah keringatnya untuk tujuan itu. Walaupun al-Qur'ān menyebut, "Tidak ada satu pun makhluk yang melata di Bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya,"[31] tetapi al-Qur'ān juga menyebut,

29 Diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dalam *Sunan Abī Dāwūd*, no. 4659.

30 *Āli 'Imrān* (3):134.

31 *Hūd* (11):6.

"Sesungguhnya tidak ada (hasil) bagi seseorang melainkan apa yang diusahakannya."[32] Hakikatnya, mereka itu semua berpegang dengan ajaran Iblīs, dan mereka hanya mengungkapkan kata-kata yang hanya terbit dari bibir, tetapi bukan dari hati.

Golongan keenam pula mendakwa bahawa mereka telah meraih maqam yang amat tinggi sehingga dosa tidak boleh memberi sebarang kesan kepada mereka. Namun amat menyedihkan apabila tidak dihormati, mereka akan menaruh dendam selama bertahun-tahun, dan jika makanan mereka diusik walaupun sedikit, dunia dan seisinya menjadi gelap dan kusam bagi mereka. Sekalipun mereka benar-benar telah menguasai nafsu sendiri, mereka tidak layak untuk membuat dakwaan sedemikian. Ini kerana para Nabi dan Rasul pun, yang mereka itu semulia-mulia insan, seringkali gusar akan dosa masing-masing. Sebahagian para Rasul itu sangat resah terhadap dosa sehingga mereka meninggalkan perkara-perkara yang halal; justeru, telah diriwayatkan bahawa pada suatu hari apabila sebiji tamar dihidangkan, baginda enggan menjamahnya kerana meragui sama ada ia diperolehi secara halal atau tidak. Sedangkan para hamba nafsu ini tidak teragak-agak untuk meneguk berbalang-balang arak, tetapi berani untuk mendakwa lebih unggul berbanding para Nabi dan Rasul. Mereka itu berhak diheret oleh Iblīs ke lembah kebinasaan masing-masing. Wali yang hakiki pasti tahu bahawa sesiapa sahaja yang tidak berdaya menguasai nafsunya sendiri tidak layak menggalas nama seorang insan, dan seorang Muslim sejati pasti dengan reda menerima batasan-batasan yang telah ditetapkan oleh Sharī'ah. Orang-orang yang berdegil dan terus mengabaikan batasan-batasan Sharī'ah, bertopengkan fahaman apa pun, hendaklah diperangi bukan dengan pena tetapi pedang. Para Ṣūfī jadi-jadian ini berpura-pura kononnya lemas dalam lautan ketakjuban, tetapi jika engkau soal berkenaan pengalaman itu, sebenarnya mereka sendiri pun tidak tahu. Mereka itu perlu diperingatkan untuk sedar bahawa Allah itu Tuan mereka, dan mereka itu sekadar hamba—tidak kiralah sedalam mana pun mereka ingin lemas dalam diri sendiri.

32 Al-Najm (53):39.

Bab 3

Mengenali Hakikat Dunia (*Maʿrifat Ḥaqīqat al-Dunyā*)

Ketahuilah bahawa dunia ini merupakan pasar singgahan para musafir akhirat. Di sinilah para musafir itu mendapatkan bekalan untuk perkelanaan mereka; atau, lebih jelas lagi, insan mendapatkan di sini, dengan memanfaatkan deria jasmaninya, ilmu berkenaan af*ʿāluLlāh*, dan melalui ilmu tersebut, insan mendapatkan *maʿrifatuLlāh* yang mana ia menjadi punca kebahagiaan akhiratnya. Dengan tujuan ilmu inilah jiwa insan diturunkan dari Syurga ke alam debu dan air ini. Selagi pancaindera masih berfungsi, selagi itulah dia berada di alam ini; dan apabila mereka berangkat, dan hanya sifat-sifat makhikinya sahaja yang kekal, maka dia telah beredar ke alam yang seterusnya.

Sementara berada di dunia ini, dua perkara adalah mustahak untuk insan: pertama, menjaga dan memupuk kebajikan jiwanya; kedua, menjaga dan memupuk kebajikan jasmaninya. Kebajikan jiwa itu terpelihara dengan *maʿrifatuLlāh* dan cinta akan Allah, dan kerosakannya terjadi apabila dia tenggelam dalam cinta terhadap selain Allah. Manakala, jasad insan itu hanyalah tunggangan bagi jiwa dan akan fana ketika jiwa masih lagi kekal. Jiwa mestilah memelihara jasad, sepertimana seorang musafir yang ingin menunaikan Haji di Makkah mestilah memelihara untanya. Tetapi, sebaliknya jika dia lalai dan sibuk memberi untanya makan, maka kafilahnya akan meninggalkan dia, dan dia akan mati keseorangan di tengah-tengah padang pasir.

Keperluan jasad itu mudah, terbahagi hanya kepada tiga perkara: makanan, pakaian, dan tempat tinggal; namun, keinginan yang tertanam dalam jasad, agar dengannya keperluan-keperluan di atas dapat dipenuhi, sangat lekas memberontak terhadap saranan akal. Sehubungan dengan itulah, keinginan-keinginan ini perlu ditundukkan dan ditahan dengan Sharīʿah yang dibawa oleh para Nabi dan Rasul.

Berkenaan dunia (*ʿālam al-shahādah*) ini, makhluk-makhluk yang wujud di dalamnya terbahagi kepada tiga jenis: binatang (al-*ḥayawānāt*), tumbuhan (*al-nabātāt*), dan batuan (*al-jamadāt*).[33] Hasil mahsul daripada tiga makhluk ini sentiasa diperlukan oleh insan, dan keperluan berdasarkan hasil mahsul itu mewujudkan tiga jenis pekerjaan utama—penenun, pembina, dan tukang besi. Kemudian, daripada ketiga-tiga jenis pekerjaan ini cabang-cabang pekerjaan lain pula muncul seperti tukang jahit, tukang batu, dan lain-lain. Semua pekerjaan ini saling memerlukan antara satu sama lain; lalu daripada kebergantungan ini muncullah pelbagai jenis hubungan perniagaan. Hubungan-hubungan ini semualah yang menjadi tempat di mana penyakit-penyakit hati berleluasa seperti kebencian, hasad, cemburu dan lain-lain. Akibatnya, pertelingkahan dan perkelahian berlaku. Oleh itu, kerajaan sivil dan undang-undang menjadi keperluan.

Dengannya pekerjaan dan urus niaga di dunia ini menjadi semakin rumit dan mendatangkan pelbagai masalah, berpunca terutamanya daripada sikap manusia yang sering alpa bahawa keperluan asasinya di dunia ini hanyalah tiga—makanan, pakaian, dan tempat tinggal—dan bahawa tujuan memelihara

33 Jika dilihat sifat-sifat setiap jenis makhluk ini dan dibandingkan dengan sifat-sifat insan, kita dapat perhatikan yang insan sememangnya tidak tergolong dan berasal dari alam ini, dan oleh itu tidak tergolong dalam mana-mana kategori jenis makhluk. Dalam erti kata lain, insan tergolong dalam kerajaannya tersendiri. Dan ini berlawanan dengan dakwaan sains moden yang menggolongkan insan sebagai homo sapiens. Untuk hujahan lanjut berkenaan asal-usul insan, rujuk Syed Muhammad Naquib al-Attas, On Justice and the Nature of Man (Kuala Lumpur: IBFIM, 2015).

jasad hanyalah agar jiwa dapat berkelana dari dunia ke akhirat dengan lancar. Manusia-manusia yang alpa ini telah mengulangi kesilapan yang sama yang telah dilakukan oleh si musafir ke Makkah yang disebutkan di atas, yang telah lupa akan tujuan permusafirannya, lalu menyibukkan diri memberi makan dan menghiasi untanya. Jika seseorang itu tidak tegas terhadap dirinya sendiri, nescaya pasti dia akan mudah terkesima dengan dunia ini, yang mana Rasulullah telah sifatkan sebagai "penyihir yang lebih bahaya berbanding Hārūt dan Mārūt."[34]

Penipuan dunia ini terzahir dalam beberapa bentuk. Pertama, dunia akan berpura-pura setia kepadamu, padahal ia menyusup pergi sedikit demi sedikit dengan lambaian perpisahan, seperti bayang-bayang yang kelihatan seakan-akan pegun padahal ia bergerak. Kedua, ia memperagakan diri seperti seorang penyihir rupawan, tetapi niatnya jahat. Ia berpura-pura jatuh int terhadapmu dan memanjakan engkau, tetapi kemudian elinap pergi kepada musuhmu dan meninggalkan dirimu tang-kanting untuk mati. Nabi ʿĪsā *ʿalayhi al-salām* an melihat dunia dalam bentuk seorang wanita tua yang doh. Baginda bertanya, "Sudah berapa ramai suami yang engkau punyai?" Dia menjawab, "Terlalu ramai untuk dihitung." Kemudian baginda bertanya lagi sama ada suami-suaminya masih hidup atau sudah mati; dan dia menjawab semuanya telah dia korbankan. Lalu, Nabi ʿĪsā meluahkan kehairanannya, "Aku bingung dengan orang-orang dungu yang tahu akan perbuatanmu terhadap orang-orang lain, tetapi masih juga menginginkan engkau."

Wanita tua ini menghiasi dirinya dengan penampilan yang indah dan bersinar, tetapi melangsiri rupa hakikinya dengan hijab. Kemudian, dia menggoda ramai manusia, dan terlalu ramai yang tumpas dengan godaannya itu. Rasulullah pernah memerihalkan dunia akan muncul pada Hari Akhirat nanti dalam bentuk seorang wanita tua, matanya hijau dan giginya tersembul. Apabila manusia menatapnya, mereka berteriak, "Kasihanilah kami! Siapakah ini?" Dan para malaikat akan menjawab, "Inilah dunia. Kerananya kalian berkelahi dan saling bertelagah, dan mengakibatkan kepayahan dalam hidup orang lain." Kemudian dunia akan dilontarkan ke dalam Neraka, sambil ia berkata, "Tuhanku, di manakah para kekasihku dahulu?" Lalu, Allah pun memerintahkan agar semua kekasihnya itu dilemparkan bersamanya ke dalam Neraka.

Barangsiapa yang benar-benar peduli akan memikirkan: sejak azali dunia tidak pernah wujud, dan sehingga azali ia akan sirna, justeru kehidupan duniawi ini seumpama sebuah permusafiran—setiap jarak perjalanan tersebut diukur dalam kiraan tahun, bulan, minggu, hari dan saat. Maka, kebodohan yang bagaimana yang dapat kita perihalkan berkenaan seorang yang bersusah-payah berusaha menjadikan dunia ini penginapan abadi, mengatur segala macam rencana untuk sepuluh tahun yang akan datang, padahal besar kemungkinan dia akan terkubur di dalam tanah sepuluh hari lagi!

Orang-orang yang asyik menjamah dunia tanpa batas ini, ketika waktu nazaknya nanti, seperti seorang pelahap yang menelan semua jenis kelazatan hanya untuk akhirnya memuntahkannya semula. Kelazatan entah ke mana, yang tinggal hanyalah penghinaan. Semakin banyak nikmat yang mereka miliki dan nikmati—dalam bentuk taman-taman, hamba sahaya, emas dan perak, dan sebagainya—semakin perit untuk mereka berpisah dengannya. Dan keperitan ini berlanjutan walaupun setelah dia mati, kerana jiwa-jiwa yang degil berpaut kepada dunia pasti akan menderitai akibat kehendak yang tidak terpenuhi.

34 Iaitu dua orang malaikat yang dihantarkan ke dunia dan mengajarkan sihir kepada manusia. Perihal dua orang malaikat ini disebutkan dalam al-Baqarah (2):102.

Tipu daya dunia yang ketiga adalah dengan mempamerkan dirinya, pada mulanya, sebagai sesuatu yang remeh. Namun, tanpa disedari perkara yang remeh ini mencapah menjadi masalah-masalah besar, sehingga akhirnya semua tenaga dan masanya dihabiskan begitu sahaja. Nabi ʿĪsā bersabda, "Para pencinta dunia itu seumpama orang-orang yang meminum air laut; semakin dia meneguknya, semakin dia merasa dahaga, semakin dahaga menguasainya, semakin dia hampir kepada kehancuran." Rasulullah pula bersabda, "Engkau tidak akan dapat bergelumang dengan dunia tanpa dicemari oleh kekotorannya, sepertimana engkau tidak akan dapat masuk ke dalam air tanpa menjadi basah."

Ketahuilah bahawa dunia ini ibarat sebuah jamuan untuk
nu-tetamu yang datang dan pergi. Dalam jamuan itu pelbagai
ıg kemas, makanan, dan wangian yang dihidangkan.
nu yang bijaksana akan menjamah sekadar yang diperlukan,
ıcium wangian, mengucapkan syukur kepada tuan rumah dan
ransur. Sebaliknya, tetamu yang dungu akan cuba membawa
ergi emas dan perak yang dihidangkan, tetapi semuanya akan dirampas semula sedangkan dia pula ditendang keluar dan dihalau, kecewa dan malu sendirian.

Mungkin kita boleh simpulkan sifat dunia dengan perumpamaan berikut. Bayangkan sebuah kapal yang berlabuh di sebuah pantai yang kaya dengan pepohon tetapi tidak berpenghuni. Nakhodanya memaklumkan bahawa kapal tersebut akan berhenti buat seketika, dan sementara itu para penumpang dipersilakan untuk pergi ke darat, tetapi dia juga mengingatkan mereka untuk tidak berkeliaran terlalu lama dan jauh. Lalu, para penumpang pun berpisah ke sana ke sini untuk urusan masing-masing. Penumpang-penumpang yang bijak tentunya akan kembali ke kapal dengan segera dan memilih tempat duduk yang paling selesa. Kumpulan penumpang kedua pula meluangkan masa yang sedikit lama berbanding yang pertama, kerana mengagumi keindahan pokok-pokok dan menghayati lagu-lagu siulan burung. Apabila mereka kembali ke kapal, semua tempat duduk yang selesa telah pun dipenuhi. Maka, mereka terpaksa berpuas hati dengan tempat-tempat duduk yang kurang selesa. Manakala, kumpulan penumpang ketiga pula merayau lebih jauh, menjumpai batu-batuan yang indah dan membawa pulang ke kapal. Kelewatan mereka pulang ke kapal menyebabkan tidak ada lagi tempat duduk di bahagian geladak kapal, sebaliknya mereka terpaksa duduk di bahagian bawah, di mana batu-batuan yang mereka kutip sudah tidak lagi indah di mata mereka, bahkan menyusahkan mereka pula. Dan kumpulan penumpang yang terakhir pula merayau terlalu jauh sehinggakan suara nakhoda yang memanggil mereka tidak dapat lagi didengari. Akhirnya, kapal terpaksa berlayar dan meninggalkan mereka. Mereka tidak dapat ke mana-mana, hanya mampu merayau di dalam pulau dan akhirnya mati kelaparan atau dibaham haiwan buas.

Kumpulan penumpang pertama itu mewakili orang-orang mukmin yang zuhud terhadap dunia dan yang terakhir itu mewakili orang-orang kafir yang hanya peduli akan dunia dan mengabaikan akhirat. Kumpulan kedua pula ialah orang-orang yang masih beriman, namun terpaksa melibatkan diri dalam keremehan dunia.

Meskipun banyak keburukan dunia ini, harus diingati terdapat beberapa perkara yang ada di dunia ini tetapi bukan kepunyaannya, seperti ilmu dan amalan soleh. Ilmu yang tersemat di dalam hati akan dibawa hingga ke akhirat, dan amalannya, meskipun telah selesai, masih meninggalkan bekas dalam peribadi seseorang—terutama sekali amal ibadah yang membekaskan ingatan dan cinta kepada Allah. Inilah dia perkara-perkara baik yang akan kekal (*al-bāqiyāt al-ṣāliḥāt*) yang disebutkan dalam al-Qurʾān.[35]

35 Al-Kahf (18):46 dan Maryam (19):76.

Antara kebaikan-kebaikan lain yang ada di dunia termasuklah pernikahan, makanan, pakaian dan sebagainya, yang mana si bijaksana akan manfaatkan sekadarnya untuk akhirat. Semua perkara lain yang menghambat hatinya kepada dunia dan mencuaikannya daripada akhirat ialah kejahatan yang disabdakan oleh Rasulullah, "Dunia itu merupakan sumpahan, dan semua kandungannya juga ialah sumpahan, kecuali *dhikruLlāh* dan apa sahaja yang membawa kepadanya."

Bab 4

Mengenali Hakikat Akhirat (*Ma'rifat Ḥaqīqat al-Ākhirah*)

Adapun perihal nikmat Syurga dan seksaan Neraka yang menyusuli kehidupan dunia, semua orang beriman telah pun dimaklumkan secukupnya oleh al-Qur'ān dan al-Sunnah. Namun demikian, kebanyakan mereka tidak menyedari bahawa Syurga dan Neraka itu terdapat dalam bentuk rohani juga, yang mana Syurga itu "tidak pernah dilihat mata manusia, tidak pernah didengari oleh telinga mereka, dan tidak pernah terbayang oleh hatinya akan perkara-perkara yang disediakan untuk orang-orang bertakwa."

Dalam hati seorang yang *'ārif* itu terdapat sebuah jendela yang membuka ke alam rohani. Dengan itu dia tahu, bukan dengan khabar angin, tetapi dengan penyaksian langsung (*mushāhadah*), apa yang menyebabkan kesengsaraan dan kebahagiaan bagi jiwa dengan sangat jelas, sepertimana seorang tabib tahu dengan yakin punca penyakit dan kesihatan bagi jasad. Dia tahu bahawa *ma'rifah* itu penawar, manakala kejahilan dan dosa itu tuba yang meracuni jiwa. Ramai yang kononnya ulama hakikatnya tidak benar-benar yakin tentang keadaan bahagia atau sengsara bagi jiwa di akhirat nanti akibat ilmu mereka yang *taqlīd*. Namun, barang siapa yang mencermati perkara ini tanpa sebarang prasangka akan sampai kepada pegangan yang jali.

Maut itu membekas ke atas insan seperti berikut: insan dikurniakan dengan dua jiwa (*nafsān*), jiwa haiwani dan jiwa rohani. Yang kedua itu sifatnya seperti malaikat. Letak duduk

bagi jiwa haiwani ialah jantung, darinya ia berpunca dalam bentuk kepulan halus yang menyerapi seluruh anggota jasad. Dengannya mata berdaya untuk melihat, telinga berdaya untuk mendengar, dan seluruh anggota jasad berdaya untuk mengerjakan peranan masing-masing. Perumpamaannya seperti lampu kalimantang dalam sebuah rumah, cahayanya menyinari dinding-dinding ke mana sahaja ia disuluh. Jantung itu sumbunya, dan apabila minyak sudah habis dibakar, maka api lampu pun mati. Demikianlah kematian jiwa haiwani.

Jiwa rohani pula berbeza halnya. Jiwa ini tidak berbahagian, dan dengannya insan mengenali Tuhan. Jiwa ini yang mengenderai jiwa haiwani sebagai tunggangannya. Meskipun jiwa haiwani mati, ia tetap kekal hidup. Namun, keadaannya ketika itu seperti penunggang kuda yang kehilangan tunggangannya, atau seperti seorang pemburu yang dirampas senjata buruannya. Kuda dan ıjata itu diberikan kepadanya agar dia boleh memburu dan :raih cinta Ilahi. Jika buruannya berhasil, ketika kuda dan :njatanya diambil semula, dia tidak bersedih. Malah, hanya kegembiraan yang menyambutnya kerana akhirnya dia tidak perlu lagi dibebani dengan kedua-duanya. Justeru Rasulullah bersabda, "Maut itu merupakan hadiah Tuhan buat orang-orang beriman." Sebaliknya, jiwa yang kehilangan kuda dan senjatanya sebelum tangkapan berjaya dibuat, tidak ada perkataan yang mampu mengungkapkan derita dan penyesalan yang menghambatnya.

Jika engkau tilik dengan lebih dalam, engkau akan tahu betapa jiwa insan itu amat berbeza daripada jasad dan sekalian anggotanya. Sekalipun setiap sendi dipenggal atau lumpuh, jiwa itu tetap dirinya satu. Tambahan pula, jasad engkau yang dewasa bukan lagi jasadmu sewaktu kecil, namun peribadi dan perwatakanmu tetap sama sejak dulu hingga sekarang. Dengan itu amat mudah untuk kita garap bagaimana jiwa itu akan tetap ada, berserta sifat-sifatnya seperti ma'rifah dan cinta akan Allah, walaupun jasad sudah pun mereput. Inilah yang al-Qur'ān

maksudkan dengan *al-bāqiyāt al-ṣāliḥāt*. Pun begitu, jika jiwa meninggalkan badan dalam keadaan ia jahil tentang Tuhannya, maka itu juga akan menjadi sifat asasinya. Dan sifat itu akan kekal sebagai kegelapan jiwa dan benih kedukaan akhirat. Kerana itu al-Qur'ān menyebutkan, "Barangsiapa yang buta di dunia ini, maka di akhirat kelak dia tetap akan buta. Itulah jalan yang paling sesat."[36]

Mengapa jiwa manusia mencari jalan pulang ke alam rohani? Kerana ia berasal dari sana, dan ia secara asasi bersifat rohani. Allah telah mengirimkannya ke dunia ini untuk meraih ilmu dan pengalaman, seperti yang Dia firmankan dalam al-Qur'ān, "Turunlah kalian semuanya dari Syurga itu! Kemudian jika datang kepada kalian petunjuk dari-Ku (melalui para Rasul dan kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka), maka sesiapa yang mengikuti petunjuk-Ku nescaya tidak ada kebimbangan (daripada sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita."[37] Ayat al-Qur'ān, "... dan Aku tiupkan di dalamnya roh (dari ciptaan-Ku) ..."[38] juga menunjukkan kepada asal-usul jiwa yang samawi. Kesihatan jasad itu bergantung kepada keseimbangan setiap anggotanya, dan apabila gering akibat kehilangan keseimbangan itu, ia boleh dipulihkan dengan ubat. Begitu juga kesihatan jiwa bergantung kepada keseimbangan akhlakiah, dan apabila rosak akibat keburukan akhlak, ia boleh dipulihkan dengan bimbingan moral.

Adapun kewujudannya di akhirat nanti, kita sudah pun sabitkan bahawa jiwa itu secara asasinya merdeka daripada jasad. Dengan demikian, semua sangkalan yang menafikan kewujudannya selepas mati menjadi terbatal. Sebahagian kelompok percaya bahawa jiwa insan itu akan binasa selepas mati dan kemudian akan diciptakan semula, namun ini bersalahan

36 *Al-Isrā'* (17):72.

37 Al-Baqarah (2):38.

38 Al-*Ḥ*ijr (15):29 dan *Ṣād* (38):72.

dengan akal yang munasabah dan kenyataan al-Qur'ān. Akal sudah pun menyabitkan yang kematian tidak membinasakan kedirian seseorang, manakala al-Qur'ān pula menyebut, "Dan jangan sesekali engkau menyangka bahawa orang-orang yang gugur [syahid] di jalan Allah itu mati; [bahkan tidak,] mereka itu hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki."[39] Tidak ada satu pun riwayat dalam Sharī'ah yang menyebut tentang si mati itu jiwanya binasa, baik yang soleh mahupun yang jahat. Tidak sekali-kali. Bahkan, Rasulullah sendiri diriwayatkan pernah bertanya kepada jiwa orang-orang kafir yang telah mati sama ada hukuman yang dijanjikan kepada mereka itu benar atau tidak. Apabila ditanyakan oleh para Sahabat, baginda menjawab, "Mereka mampu mendengar suaraku lebih baik daripada kalian."

Sebahagian ahli Ṣūfī pula pernah menyaksikan alam ghaib—Syurga dan Neraka—yang disingkapkan kepada mereka dalam mimpi. Apabila terjaga, wajah mereka menzahirkan 'egembiraan melihat Syurga atau kegerunan menyaksikan Neraka. Pun begitu, tidak ada sebarang singkapan yang diperlukan bagi sesiapa sahaja yang berfikir, tentang apa yang akan terjadi selepas maut melucutkan deria daripada anggotanya dan tidak meninggalkan apa-apa pun untuk seseorang melainkan diri hakikinya sahaja. Justeru, jika seseorang itu terlalu terikat dengan benda-benda inderawi—seperti isteri-isteri, anak-anak, kekayaan, hartanah, hamba-hamba, dan sebagainya—maka pasti dia akan sengsara di akhirat apabila semua benda ini dirampas. Sebaliknya, jika dia berpaling sejauh mungkin daripada dunia dan mengunci cintanya hanya kepada Tuhan, maka dia akan menyambut kematian dengan tangan terbuka sebagai jalan keluar daripada ikatan-ikatan dunia untuk bersatu dengan Kekasihnya. Maka, benarlah sabda Rasulullah, "Kematian itu menjadi jambatan yang mempertemukan dua orang teman,"

39 *Āli 'Imrān* (3):169.

dan "Dunia ini merupakan taman bagi orang-orang kafir, tetapi umpama penjara bagi orang-orang beriman."

Kesengsaraan akhirat semuanya berpunca daripada cinta dunia. Rasulullah mengkhabarkan bahawa setiap orang kafir akan diseksa dengan sembilan puluh sembilan ekor ular, setiap satunya berkepala sembilan. Ada sebahagian orang yang cetek akal fikirannya pergi menggali kubur orang-orang kafir ini dan kemudiannya hairan kerana tidak menjumpai sebarang ular. Mereka ini gagal mengerti bahawa ular-ular itu telah pun menghuni jiwa orang-orang kafir sebelum mereka mati lagi, kerana ular-ular itu semua hakikatnya ialah sifat-sifat jahat mereka yang terzahir. Sifat-sifat jahat seperti hasad, kebencian, kemunafikan, takbur, penipu dan sebagainya, semua ini berpunca daripada cinta dunia. Demikianlah kemusnahan yang menjadi nasib buat mereka yang "mengutamakan kehidupan dunia."[40] Andai kata ular-ular itu wujud di luar jiwa, barangkali mereka boleh berharap untuk melarikan diri—meskipun mungkin hanya untuk sementara—namun, malangnya, ular-ular itu merupakan penzahiran sifat-sifat dalaman mereka; justeru, bagaimana mungkin mereka dapat melepaskan diri?

Renungkan, sebagai contoh, keadaan seorang lelaki yang menjual hamba perempuannya tanpa menyedari betapa hatinya sangat terikat kepada hamba tersebut, sehinggalah akhirnya hamba itu terpisah daripadanya. Lalu, cintanya, yang sebelum itu masih terpendam, terpancur membuak-buak sehingga dia merasa terseksa menanggungnya, menyengat hatinya seumpama gigitan ular, dan mendorongnya terjun ke dalam api atau air hanya untuk memadam seksaan rindu. Begitulah kesan cinta dunia yang dipendam oleh ramai orang tanpa mereka sedari sehinggalah dunia ditarik. Perasaan terseksa akibat rindu itu menyebabkan mereka sanggup mencari apa sahaja sebagai tukar ganti, hatta ular dan kala jengking sekalipun.

40 *Al-A'lā* (87):16.

Dengan itu, setiap pendosa membawa bersama ke alam seterusnya alat-alat hukumannya sendiri. Al-Qur'ān memerihalkan, "Kalian pasti akan melihat Neraka; dan kalian akan menyaksikannya dengan penglihatan yang yakin,"[41] dan "...Dan sesungguhnya azab jahannam itu meliputi (lamuḥīṭatun) orang-orang kafir."[42] Al-Qur'ān tidak menyebut "akan meliputi," kerana Neraka itu sudah sedia meliputi mereka kini.

Mungkin ada yang menyanggah, "Jika benar demikian, maka amat sedikit orang yang boleh melepaskan diri daripada Neraka, kerana tidak ada sesiapa pun yang tidak terikat dengan dunia dalam pelbagai bentuk ikatan dan kepentingan!" Sebenarnya ada sebahagian orang, terutamanya golongan *faqīr*,[43] yang benar-benar telah melucutkan diri mereka daripada cinta dunia. Namun demikian, walaupun dalam kalangan orang-orang yang memiliki harta dunia sekalipun terdapat segolongan yang cintanya akan Tuhan melebihi keinginannya terhadap dunia. Orang-orang ini umpama seorang lelaki yang, meskipun memiliki penginapan di bandar, tetap rela hati meninggalkannya sekiranya sang raja memerintahkannya untuk bertugas di luar kawasan. Ini kerana dia menjunjung tinggi perintah raja melebihi tempat penginapannya. Demikianlah halnya dengan para Nabi dan wali.

Ada juga sebahagian orang, dan bilangan mereka ini amat ramai, yang mencintai Tuhan, namun cinta dunia lebih menguasai hatinya. Mereka ini terpaksa melalui kesengsaraan terlebih dahulu selepas mereka mati sebelum benar-benar dapat dibersihkan daripada perasaan cinta dunia itu. Ramai yang

41 *Al-Takāthur* (102):6–7.

42 Al-Tawbah (9):49.

43 Gelaran *faqīr* ini bukan merujuk kepada golongan fakir miskin, kerana golongan fakir miskin, meskipun tidak berharta dan tidak memiliki banyak nikmat dunia, namun hati mereka boleh tetap sahaja menginginkan dunia. Dan keinginan itu pun merupakan sebuah bentuk ikatan yang menghambat hatinya pada dunia. Sebaliknya, *faqīr* yang dimaksudkan ialah golongan ahli Ṣūfī yang sedar akan kefakiran mereka terhadap Allah.

mengaku mencintai Tuhan, namun cinta yang didakwanya itu mudah sekali untuk diduga dengan melihat ke mana kecenderungan tindak-tanduknya sekiranya perintah Tuhan dan kehendaknya sendiri saling bercanggah. Dakwaan cinta yang tidak mencegahnya daripada maksiat hanyalah dusta belaka. Kita telah saksikan di sini salah satu jenis Neraka rohani: iaitu apabila harta dunia kesayangannya ditarik daripadanya secara paksa. Sebenarnya ramai yang tidak sedar akan keberadaan Neraka ini dalam diri mereka; oleh sebab itu mereka akan merasa seperti seorang raja yang telah dimakzulkan dan akan menanggung malu yang perit.

Neraka rohani yang kedua ialah malu, iaitu apabila seorang pendosa akan dibangkitkan untuk melihat hakikat dosanya sendiri. Maka, contohnya, jika seseorang itu menabur fitnah di dunia, maka dia akan melihat dirinya sendiri sedang memakan daging saudaranya; manakala seorang yang memendam hasad pula akan melihat dirinya melontar batu ke dinding, yang mana batu yang dilontar itu akan melantun kembali lalu terkena mata anaknya sendiri dan membutakannya. Neraka malu ini boleh diumpamakan sebegini: andaikan seorang raja yang sedang meraikan perkahwinan puteranya. Pada waktu petangnya, si putera pergi berhibur dengan beberapa orang temannya dan pulang dalam keadaan mabuk. Sekepulangannya, dia masuk ke dalam sebuah kamar dan baring di sebelah sosok yang disangkakan pengantinnya. Malangnya, apabila dia bangun dan kembali siuman pada waktu pagi, dia terkejut kerana berada di dalam bilik mayat, apa yang disangkakan ranjang sebenarnya usungan mayat, dan sosok yang disangkakan pengantinnya itu ternyata merupakan sekujur mayat wanita tua yang sedang mereput. Dan sebaik sahaja dia ingin kabur dari tempat tersebut dengan pakaian yang kotor, dia terserempak dengan ayahandanya yang diiringi oleh sekumpulan askar! Bayangkan betapa besar malu yang menghurungnya ketika itu! Demikianlah malu yang

akan ditanggung oleh orang-orang yang mengabaikan dirinya sendiri demi kesenangan dunia.

Neraka rohani yang ketiga ialah penyesalan dan kegagalan untuk mencapai tujuan kewujudan yang hakiki. Insan itu diciptakan untuk memantulkan cahaya *ma'rifatuLlāh*, namun jika dia menjejakkan kaki ke alam akhirat dalam keadaan jiwanya diselaputi karat nikmat dunia, maka pasti dia akan gagal. Penyesalannya dapat digambarkan begini: andaikan seorang lelaki yang melalui sebuah hutan yang gelap dengan teman-temannya. Di sana sini batu-batuan indah bergemerlapan berwarna-warni. Semua temannya sibuk mengumpulkan dan membawa batu-batuan itu dan menggesanya untuk membuat perkara yang sama. Kata mereka, "Kami mendengar berita yang batu-batuan ini dapat dijual pada harga yang lumayan di tempat yang kita tuju." Sebaliknya, dia mentertawakan teman-temannya dan menganggap mereka bodoh kerana berpegang dengan harapan palsu, lalu dia beredar kononnya tidak dirundung dengan sebarang keresahan. Tidak beberapa lama kemudian, mereka berjaya keluar daripada hutan gelap dan mendapati batu-batuan yang dikutip itu rupa-rupanya batu delima, zamrud, dan pelbagai lagi barang berharga. Dan penyesalan si lelaki yang enggan mengutip batu-batuan itu sewaktu ia masih mudah untuk dimiliki tidak perlu lagi diperihalkan. Lebih mudah untuk kita bayangkan sahaja. Demikianlah penyesalan orang-orang di akhirat nanti, yang di dunia ini culas mengumpulkan barang berharga yang dijanjikan oleh agama.

Permusafiran insan dari dunia ini ke akhirat boleh dibahagikan kepada empat peringkat—deriawi (*ḥissī*), uji kaji (*tajribī*), firasat (*gharīzī*) dan akliah (*'aqlī*). Di peringkat pertama, insan umpama rama-rama yang, meskipun memiliki daya penglihatan, tidak memiliki daya ingatan. Ia akan terbang ke arah lilin berkali-kali meskipun perbuatan itu menyakiti dirinya sendiri. Di peringkat kedua, insan umpama anjing yang, jika pernah dipukul, akan lari melihat batang kayu. Manakala, di peringkat ketiga, insan

umpama kuda atau biri-biri yang firasatnya akan menggesa untuk lari apabila ternampak singa atau serigala, tetapi merasa aman jika melihat unta atau kerbau padahal kedua-dua haiwan ini lebih besar berbanding singa dan serigala. Dan di peringkat keempat, insan melangkaui batasan-batasan haiwani dan mampu untuk menjangkakan situasi masa depan dan membuat persediaan untuknya. Perjalanannya boleh dibayangkan dengan gambaran berjalan kaki di daratan, kemudian melayari laut dengan kapal, dan seterusnya menapakkan kaki di permukaan laut (di mana pada satah ini insan tersebut sudah menjadi akrab dengan *ḥaqā'iq*). Namun, perjalanan yang lebih tinggi berbanding semua ini ialah darjah kelima, makruf hanya kepada para nabi dan wali, yang seumpama perbuatan terbang di udara.

Justeru, hakikatnya insan mampu wujud di satah-satah yang berlainan, dari satah haiwani ke satah para malaikat. Namun begitu, di sinilah bahayanya. Jika dia boleh terbang tinggi, ini bermakna dia juga boleh jatuh ke satah yang paling rendah dan hina. Al-Qur'ān telah mengkhabarkan, "Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan."[44] Kedua-dua haiwan dan malaikat tidak ada keupayaan untuk mengubah darjat masing-masing. Namun, insan boleh jatuh ke darjat haiwan atau terbang tinggi ke darjat para malaikat. Inilah "amanah" yang dimaksudkan oleh al-Qur'ān. Kebanyakan manusia mudah berpuas hati di dua peringkat terawal sahaja—yakni, peringkat kupu-kupu dan

44 Al-A*ḥzāb* (33):72.

anjing—dan orang-orang yang jumud ini memang selalunya ini hati dengan para musafir dan orang-orang yang berkelana.

Ramai manusia, dek kerana keyakinan yang rapuh tentang hakikat akhirat, pasti akan tumpas dan menafikan akhirat apabila mereka dikuasai oleh nafsu syahwat. Mereka ini mendakwa yang Neraka itu cumalah rekaan para ulama, bahkan sememangnya mereka menaruh kebencian terhadap para ulama. Berdebat dengan mereka ini tidak ada faedahnya. Walau bagaimanapun, mungkin kita boleh katakan sesuatu kepada mereka untuk menjentik fikirannya, "Adakah engkau benar-benar yakin bahawa 24,000 orang nabi dan wali yang percaya akan kebenaran dan kepastian akhirat itu semuanya tersilap belaka, dan hanya engkau seorang sahaja yang benar untuk menafikannya?" Jika jawapannya, "Ya, aku sangat pasti sepertimana dua itu lebih daripada satu bahawa tidak ada kehidupan akhirat serta ganjaran dan hukumannya," maka orang ini tidak dapat lagi diselamatkan. Tinggalkan dia dan ingatlah pesanan al-Qur'ān, "Dan jika kalian menyeru mereka ke arah hidayah, mereka tidak akan menurut petunjuk kalian."[45]

Jika sebaliknya dia mengakui terdapat kemungkinan bahawa kehidupan akhirat itu benar, namun kepercayaan itu terlalu diselimuti dengan keraguan dan misteri sehingga tidak mungkin kebenarannya dapat dipastikan, maka katakan kepadanya, "Jika demikian, lebih selamat jika engkau pertimbangkan kemungkinannya berbanding kemustahilannya! Andaikan jika seseorang memberikan amaran kepadamu berkenaan makanan yang engkau ingin jamah bahawa ia telah diludahi racun ular, tentu sekali engkau akan menahan diri daripada menjamahnya dan lebih sanggup berlapar daripada mati keracunan, walaupun mungkin seseorang itu sebenarnya menipu. Atau bayangkan jika engkau jatuh gering, lalu seorang bomoh meminta bayaran untuk memberikan azimat penyembuh, maka tentu sekali engkau sanggup membayarnya demi kesihatan yang engkau idamkan. Atau jika seorang ahli nujum mengkhabarkan kepadamu untuk mengambil ubat itu ini pada hari sekian, maka tentu engkau akan menurut saranannya kerana mungkin dia berkata benar meskipun sebenarnya engkau menganggapnya sebagai tahayul. Justeru, tidakkah engkau sedar bahawa mempercayai para nabi, wali, dan orang-orang soleh itu lebih baik lagi berbanding mempercayai bomoh dan ahli nujum? Begitu ramai manusia yang sanggup bergadai nyawa hanya untuk meraih kenikmatan atas dasar 'kemungkinan,' tetapi engkau tidak sanggup untuk bersusah walau hanya sedikit untuk kebahagiaan abadi?"

'Alī bin Abī Ṭālib pernah berdebat dengan seorang kafir yang berpendirian begini. Lalu, beliau berkata, "Jika engkau benar, maka kita berdua tidak akan rugi apa-apa kelak; tetapi, jika aku benar, maka aku akan terselamat, namun engkau pasti akan menderita." Ungkapannya ini bukan kerana beliau sendiri pun berada dalam keraguan, namun sekadar untuk membuatkan si kafir itu berfikir. Berdasarkan penerangan ini, jelaslah bahawa tujuan utama insan berada di dunia ini adalah membuat persiapan untuk kehidupan yang seterusnya. Sekalipun dia meragui kebenaran kehidupan selepas mati, akal yang sihat menuntut agar dia membuat persiapan seakan-akan kehidupan tersebut memang benar ada, dengan mempertimbangkan penyesalan yang bakal ditanggung jika ia benar-benar ada. Oleh itu, sejahteralah buat mereka yang mengikuti hidayah!

45 Al-A'*rāf* (7):193.

Bab 5

Perkahwinan Sebagai Pemudah Cara atau Penghalang Kehidupan Beragama

Perkahwinan merupakan bahagian yang amat besar dalam kehidupan insan, justeru ia semestinya perlu dipertimbangkan berhubungan kebaikan dan keburukannya dalam kehidupan beragama. Al-Qur'ān telah menyatakan, "Dan tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Ku,"[46] oleh itu kebaikan pertama dan yang paling terang pada perkahwinan adalah dengannya orang-orang yang menyembah Allah itu semakin bertambah. Justeru, para ulama telah berpendapat bahawa kesibukan menunaikan tanggungjawab rumah tangga adalah lebih afdal berbanding ibadah-ibadah sunat.

Selain itu, Rasulullah pernah bersabda bahawa doa anak-anak menjadi saluran pahala buat orang tua yang telah meninggal dunia, dan anak-anak yang meninggal dunia ketika kecil sewaktu ibu bapanya masih hidup akan menjadi syafaat untuk mereka di Hari Akhirat, "Ketika seorang anak diperintahkan untuk masuk ke Syurga, ia menangis dan berkata: 'Aku tidak akan memasukinya tanpa orang tuaku.'"[47] Dan lagi, pada suatu hari Rasulullah menyentap seorang sahabat ke arahnya dan berkata, "Beginilah anak-anak akan menarik orang tuanya ke dalam Syurga."[48] Baginda bersabda lagi, "Anak-anak akan berhimpun di hadapan pintu Syurga dan memanggil-manggil orang-orang tua mereka, sehinggalah para ibu bapa itu diperintahkan untuk masuk ke dalamnya."

Telah dihikayatkan bahawa terdapat seorang soleh yang melihat kejadian Mahsyar dalam mimpinya. Matahari menjadi hampir kepada bumi dan orang ramai sedang terseksa kehausan. Tiba-tiba sekumpulan anak kecil meredah kelompok manusia tersebut. Pada tangan mereka terdapat piala-piala emas dan perak dan menawarkan minuman kepada seorang demi seorang. Dalam mereka meredah kumpulan manusia itu, kebanyakan manusia dipintasi begitu sahaja. Ketika lelaki soleh itu meminta sedikit air, tidak ada seorang pun kanak-kanak yang menyahut permintaannya. Kanak-kanak itu menjawab, "Tidak ada seorang pun dalam kalangan kami ini yang merupakan zuriatmu." Kemudian, dia tersentak dan tersedar dari tidurnya, lalu dengan segera membuat persiapan untuk berkahwin.

Kebaikan perkahwinan yang seterusnya ialah kelapangan hati yang dapat dinikmati oleh seseorang apabila meluangkan masa beramah mesra dengan isterinya selepas penat menunaikan kewajipan agama. Dengan itu, dia dapat menyambung semula ibadahnya dengan semangat yang baharu. Rasulullah sendiri, ketika beban wahyu menjadi terlalu berat buat baginda, akan mencari isterinya dan berkata, "Bersembanglah denganku 'Ā'ishah, bersembanglah denganku!" Selepas merasai kehangatan sentuhan isterinya, kekuatan baginda pulih untuk menerima wahyu yang seterusnya. Atas sebab yang sama juga, baginda biasa meminta Bilāl bin Rabah untuk melaungkan azan, atau kadang-kadang baginda gemar mencium wangi-wangian. Baginda pernah bersabda, "Aku sukakan tiga perkara di dunia ini: wangi-wangian, wanita, dan nikmat beribadah."[49] Pernah suatu ketika 'Umar bin al-Khaṭṭāb bertanya kepada Rasulullah tentang perkara-perkara yang perlu dicari di dunia. Baginda

46 *Al-Dhāriyāt* (51):56.

47 Riwayat Ibn Ḥibbān.

48 Riwayat Muslim.

49 Riwayat al-Nasā'ī.

menjawab, "Lidah yang sibuk berzikir mengingati Allah, hati yang sentiasa merasa cukup (*qanā'ah*), dan isteri yang solehah."

Kebaikan lanjut yang boleh didapati pada perkahwinan ialah kebajikan rumah tangga terpelihara dengan adanya orang yang menjaga rumah, menyediakan masakan, mencuci pinggan-mangkuk, menyapu lantai dan sebagainya. Jika seorang lelaki terlalu sibuk dengan semua urusan ini, maka dia tidak akan dapat menuntut ilmu, mencari rezeki, dan menumpukan perhatian dan tenaga terhadap ibadahnya. Justeru, Abū Sulaymān[50] berkata, "Isteri yang baik bukan sahaja menjadi nikmat di dunia, tetapi juga akhirat, kerana dia melapangkan masa suaminya untuk memikirkan nasib akhirat." Dan 'Umar bin al-Khaṭṭāb pernah berkata, "Selain iman, tidak ada nikmat yang terbesar melainkan isteri yang baik."

Seperkara lagi yang menjadi kebaikan perkahwinan ialah kesabaran dalam menyantuni kerenah wanita, menyediakan segala keperluan isteri, dan memastikannya sentiasa kejap pada jalan agama. Rasulullah bersabda, "Menunaikan nafkah kepada isteri adalah lebih utama berbanding memberi sedekah." Suatu ketika Ibn al-Mubārak[51] terlibat dalam sebuah jihad, dan salah seorang sahabatnya bertanya, "Adakah amalan yang lebih besar pahalanya berbanding jihad?" "Ya," jawabnya, "iaitu memberi makan dan pakaian kepada isteri dan anak-anak secukupnya dan sebaiknya." Bishr Ḥāfī,[52] seorang wali besar, berkata, "Seseorang yang bekerja keras mencari rezeki untuk anak dan isterinya adalah lebih mulia berbanding yang mencari rezeki sekadar untuk dirinya sendiri." Dalam sebuah hadith diriwayatkan bahawa sesetengah dosa kecil hanya boleh diampunkan dengan menanggung perih dan jerih yang ada dalam kehidupan berkeluarga.

Diceritakan bahawa terdapat seorang soleh yang kematian isterinya dan dia enggan untuk berkahwin lagi, kononnya itu lebih mudah untuknya menumpukan perhatian kepada ibadah. Pada suatu malam beliau melihat dalam mimpinya pintu Syurga dibuka dan malaikat-malaikat turun dari langit. Mereka mendekat kepada lelaki tersebut dan menjeling, kemudian berkata, "Inikah si bangsat yang pentingkan diri itu?" Kemudian, malaikat yang lain pula menjawab, "Ya, dialah orangnya." Si lelaki soleh itu tergamam dan tidak terdaya untuk bertanya siapakah yang mereka maksudkan. Tidak semena-mena ada seorang budak lelaki lalu dan berkata, "Engkaulah yang mereka perkatakan itu, seminggu yang lalu segala amalanmu dicatatkan dalam martabat amalan para wali, tetapi kemudian dipadam." Sejurus tersedar dari tidur, beliau merasa sangat resah lalu bersegera menyusun perkahwinannya. Maka, berdasarkan pertimbangan-pertimbangan di atas, jelaslah bahawa perkahwinan itu merupakan sesuatu yang digalakkan.

Sekarang, mari kita perkatakan pula tentang keburukan pernikahan. Yang pertama, dan yang paling hebat, ketidakupayaan mencari rezeki yang halal. Ini kerana mencari rezeki yang halal itu bukanlah mudah untuk semua orang, lebih-lebih lagi pada zaman kesempitan punca hidup ini. Boleh jadi keadaan akan mendesaknya untuk mencari rezeki melalui jalan yang haram, dan tidak akan ada sebarang amalan pun, tidak kira sebanyak mana sekalipun, yang akan dapat menebus dosanya. Rasulullah memerihalkan pada Hari Akhirat nanti akan ada orang-orang yang semua amalan mereka akan dihimpunkan di hadapan *al-Mīzān*. Kemudian, dia akan ditanya, "Dengan cara apakah engkau menyara keluargamu?" Dia akan gagal untuk

50 Iaitu Abū Sulaymān al-Dārānī, murid al-Ḥasan al-Baṣrī.

51 Iaitu 'AbduLlāh bin al-Mubārak (m. 797) merupakan seorang pengumpul hadith yang berasal dari Khurasān. Rujuk A.J. Arberry, Muslim Saints and Mystics: *Episodes from the Tadhkirat al-Awliyā'* (London: Routledge: 1966), 124–128.

52 Bishr al-Ḥāfī (m. 840), dikenali sebagai al-*Ḥāfī* (yang bermaksud "yang berkaki ayam") ialah seorang ṣūfī yang berasal dari Marw di timur Iran. Beliau kemudiannya berhijrah ke Baghdad dan mengajarkan kepentingan ikhlas dalam fikiran dan amalan. Rujuk Ibid., 80–86.

menjawabnya, lalu semua amalannya akan dihapuskan, dan dia diisytiharkan muflis, "Inilah dia lelaki yang amalannya telah ditelan oleh ahli keluarganya!"

Salah satu lagi keburukan perkahwinan ialah risiko berlaku zalim terhadap anak dan isteri. Ini kerana untuk menyantuni ahli keluarga dengan lemah lembut dan penuh sabar serta memperbetulkan kesalahan-kesalahan mereka dengan berhemah menuntut seseorang itu untuk memiliki akhlak yang baik. Jika seseorang itu berlaku kasar terhadap ahli keluarganya, atau mengabaikan mereka, dikhuatiri hanya akan mendatangkan dosa sahaja untuk dirinya sendiri. Rasulullah bersabda, "Seorang lelaki yang mengabaikan isteri dan anaknya umpama seorang hamba yang melarikan diri; selagi dia tidak pulang kepada tuannya, puasa dan solatnya tidak akan diterima oleh Allah." Dalam erti kata lain, seseorang lelaki itu memiliki sifat-sifat buruk, dan selagi dia tidak mampu mengawalnya, maka lebih baik baginya untuk tidak menanggung amanah dalam mengelola sifat-sifat buruk orang-orang lain. Pernah suatu ketika Bishr al-Ḥāfī ditanya mengapa dia tidak mahu berkahwin. Dia menjawab, "Aku khuatir dengan ayat al-Qur'ān: 'Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang makruf (yakni amalan masyarakat yang tidak dilarang oleh syarak).'"[53]

Keburukan ketika, kesibukan menunaikan tanggungjawab terhadap ahli keluarga kerap kali menjadi penghalang bagi seseorang untuk menumpukan perhatiannya kepada Allah dan urusan akhirat. Dan jika dia tidak berhati-hati, maka kelalaiannya akan membawa kepada kehancuran dirinya sendiri. Allah berfirman, "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintah-Nya). Dan (ingatlah), sesiapa yang melakukan demikian, m

53 Al-Baqarah (2):228.

itulah orang-orang yang rugi." Barangsiapa yang tidak yakin dengan kemampuannya untuk menyempurnakan tanggungjawab ibadah dan keluarga serentak lebih baik membujang, tetapi barang siapa yang khuatir akan terjerumus ke dalam maksiat, maka lebih baik dia berkahwin.

Justeru, untuk meraih semua kebaikan perkahwinan dan menepis semua keburukannya, beberapa perkara perlu diteliti pada seorang wanita yang ingin dijadikan isteri. Perkara pertama ialah kesuciannya. Jika seorang wanita itu tidak suci dan suaminya membisu, maka orang-orang luar akan bercakap-cakap dan dia akan mendapat malu dan ini akan menyukarkan ibadahnya; jika dia bersuara, maka isterinya pula akan terasa hati; jika dia menceraikannya, keperitan rindu dan perpisahan pula akan menghantuinya. Isteri yang rupawan tetapi berakhlak buruk hanya akan membawa bencana yang dahsyat; dan isteri yang seperti ini selayaknya diceraikan. Rasulullah bersabda, "Barangsiapa yang memilih isteri hanya dek kecantikan dan kekayaannya akan kehilangan kedua-duanya sekali."

Ciri kedua pada isteri yang baik ialah akhlak yang indah. Seorang isteri yang pemarah, tidak tahu bersyukur, bermulut murai, atau bongkak menyebabkan kehidupan rumah tangga menjadi perit, dan menjadi penghalang yang besar bagi ibadah.

Ciri ketiga ialah kecantikan, kerana isteri yang rupawan itu menjemput perasaan kasih dan cinta. Oleh sebab itu, seseorang itu amat digalakkan untuk melihat wajah bakal isterinya sebelum dia dinikahi. Rasulullah bersabda, "Wanita dari sekian kaum semuanya mempunyai sejenis kekurangan pada mata mereka; maka, barang siapa yang ingin menikahi wanita mereka hendaklah melihatnya terlebih dahulu." Para ḥukamā' telah berkata bahawa barang siapa yang menikahi seorang wanita tanpa melihatnya terlebih dahulu pasti akan menyesalinya pada kemudian hari. Memang benar, seseorang itu tidak sepatutnya menikahi seorang wanita hanya kerana kecantikan

wajahnya, tetapi ini tidak bermaksud kecantikan tidak patut dipertimbangkan langsung.

Ciri keempat yang baik ialah nilai mahar yang sederhana. Rasulullah bersabda, "Wanita yang terbaik adalah yang maharnya kecil, dan kecantikannya hebat." Baginda sendiri pun berkahwin hanya dengan sepuluh dirham, manakala mahar yang baginda letakkan untuk semua puterinya tidak melebihi 400 dirham.

Kelima, wanita yang lebih digalakkan untuk dikahwini ialah wanita yang subur. Rasulullah bersabda, "Kain buruk di ceruk sebuah rumah itu adalah lebih baik daripada isteri yang tidak mampu melahirkan anak."[54] Ciri-ciri selebihnya adalah seperti berikut: wanita itu berasal daripada keturunan yang baik, yang belum pernah dikahwini sebelumnya, dan bukan merupakan kaum kerabat yang hampir kepada bakal suaminya.

Beberapa Kewajipan dalam Perkahwinan

Rumah tangga itu merupakan sebuah institusi agama, justeru perlu disantuni menurut panduan agama, jika tidak hubungan intim antara lelaki dan wanita itu tidak jauh berbeza dengan hubungan sesama binatang. Sharī'ah menggalakkan agar walimah diadakan bersempena setiap perkahwinan. Ketika 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf meraikan perkahwinannya, Rasulullah bersabda kepadanya, "Anjurkanlah walimah, meskipun hanya dengan seekor kambing." Rasulullah sendiri pun, sewaktu pernikahan baginda dengan Ṣafīyah, menganjurkan walimah dengan hidangan tamar dan barli. Selain itu, majlis perkahwinan itu wajar dimeriahkan dengan dendangan gendang dan lagu, kerana insan itu merupakan mahkota sekalian ciptaan.

Kedua, seorang suami hendaklah sentiasa menyantuni isterinya dengan hemah. Bukanlah ini bermakna dia tidak berhak untuk menyakiti isterinya ketika perlu, tetapi dia hendaklah bersabar menanggung kesusahan akibat kerenah isterinya sama ada dalam bentuk permintaan yang tidak munasabah atau sikap tidak bersyukur. Wanita telah diciptakan sebagai makhluk yang lemah dan memerlukan perlindungan; oleh itu, hendaklah seseorang itu bersabar terhadapnya dan sentiasa melindunginya daripada sebarang bahaya dan aib. Rasulullah bersabda, "Barangsiapa yang bersabar dengan kerenah isterinya akan mendapat pahala sebanyak mana [pahala] Nabi Ayyūb yang bersabar dengan ujian-ujiannya." Baginda bersabda lagi, "Hendaklah kalian beristiqamah dalam menunaikan solat dan santunilah isteri kalian dengan baik, kerana mereka itu merupakan tawananmu." Bahkan, baginda sendiri pun biasa bersabar dengan pelbagai kerenah isteri-isterinya. Suatu hari 'Umar bin al-Khaṭṭāb dimarahi isterinya, lalu beliau berkata kepada isterinya, "Jahat lidahmu, berani engkau menjawab?" Isterinya membalas, "Ya! Allah dan Rasulnya berkali ganda lebih baik berbanding engkau, namun isteri-isteri baginda pun tetap menjawab." Dan 'Umar membalas semula, "Kalaulah Ḥafsah (isteri Rasulullah) tidak menjawab suaminya, itu lebih baik;" dan apabila beliau bertemu Ḥafsah, 'Umar berkata, "Berhati-hatilah daripada kerap menjawab kata-kata suamimu!" Rasulullah bersabda, "Yang terbaik dalam kalangan kalian adalah yang paling bersikap ihsan terhadap ahli keluarganya, sepertimana aku terhadap ahli keluargaku."

Ketiga, seorang suami hendaklah pandai merendahkan diri untuk melayan perkara-perkara yang menjadi hiburan buat si isteri dan tidak menafikannya. Rasulullah sendiri pernah berlumba lari dengan isteri mudanya, 'Ā'ishah. Baginda menewaskan isterinya dalam pusingan pertama, dan kemudian 'Ā'ishah pula menewaskan suaminya dalam pusingan kedua. Pada waktu lain, Rasulullah mengangkat 'Ā'ishah di atas bahu baginda agar isterinya dapat menonton persembahan tarian orang-orang Habshah. Bahkan, sebenarnya amat sukar untuk

54 Diriwayatkan oleh 'Umar bin al-Khaṭṭāb

mencari orang yang lebih santun terhadap isteri-isterinya berbanding Rasulullah. Baginda bersabda, "Seorang suami hendaklah pulang ke rumah tersenyum, makan apa-apa sahaja yang dihidangkan di rumah dan tidak menuntut apa-apa yang tidak ada di rumahnya." Pun begitu, dia tidak boleh melayan kerenah si isteri secara berlebihan, jika tidak dia akan kehilangan hormat si isteri. Jika dia mendapati si isteri melakukan sesuatu yang salah, janganlah dia menutup sebelah mata; sebaliknya, dia mesti memperbetulkan si isteri, jika tidak dia akan menjadi bahan tawa sahaja. Al-Qur'ān telah menyebutkan, "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan,"[55] dan Rasulullah pula pernah bersabda, "Celakalah para suami yang menjadi hamba isteri-isterinya." Para ḥukamā' pernah berkata, "Bermesyuaratlah dengan wanita, dan lakukan apa yang berlawanan dengan nasihat mereka."[56]

Sememangnya wanita itu bersifat "bengkok" dan jika dibiarkan begitu sahaja, maka mereka akan menjadi tidak terkawal dan menjadi payah untuk diperbetulkan semula. Oleh itu, dalam menyantuni mereka, hendaklah seseorang itu mengimbangi antara kelembutan dan kekerasan—di mana kelembutan hendaklah dilebihkan. Rasulullah bersabda, "Wanita itu diciptakan daripada tulang rusuk yang bengkok; jika engkau melenturkannya dengan keras, maka ia akan patah; tetapi jika engkau membiarkannya sahaja, dia akan terus membengkok. Oleh itu, santunilah dia dengan lemah-lembut."

Berhubungan perihal kesopanan, seorang suami hendaklah berhati-hati untuk tidak membiarkan isterinya melihat atau dilihat orang asing, kerana dari matalah berpunca semua jenis maksiat. Seboleh mungkin, si isteri tidak boleh dibenarkan untuk keluar dari rumah, untuk pergi ke bumbung, atau bertenggek di pintu rumah. Namun demikian, berhati-hatilah daripada bersifat cemburu dan tegas tidak tentu fasal. Pada suatu hari, Rasulullah bertanya kepada Fāṭimah, "Apakah yang terbaik untuk wanita?" Puterinya menjawab, "Mereka tidak patut melihat-lihat orang luar, atau orang-orang luar melihat-lihat mereka." Baginda sangat senang hati dengan jawapan ini lalu memeluk puterinya dan bersabda, "Sememangnya engkaulah jantung hatiku!" Amīr al-Mu'minīn 'Umar bin al-Khattāb pernah berkata, "Janganlah kalian memberikan wanita perhiasan yang serba elok, kerana sebaik sahaja mereka memilikinya pasti mereka mahu keluar dari rumah."

Selain itu, seorang suami hendaklah membekalkan isterinya dengan wang yang mencukupi, dan tidak mencatu nafkah. Memastikan nafkah yang mencukupi untuk isteri itu lebih afdal berbanding memberi sedekah. Rasulullah bersabda, "Jika seorang lelaki membelanjakan satu dinar untuk jihad, seorang lagi untuk membebaskan hamba, dan seorang yang lain pula untuk bersedekah, manakala seorang lagi untuk menafkahi isterinya, yang terakhir itu lebih tinggi darjatnya berbanding ketiga-tiga orang sebelumnya."

Seorang suami tidak patut menjamu dirinya sendiri dengan makanan yang lazat dan mengecualikan isteri daripada makanan tersebut; jika dia makan makanan yang lazat sekalipun, dia tidak patut menayang-nayangkan perbuatan tersebut di hadapan isterinya. Suami isteri makan bersama itu adalah lebih baik ketika tidak ada tetamu di rumah mereka. Rasulullah bersabda, "Jika suami isteri makan bersama, Allah akan menambahkan keberkatan dalam hubungan mereka, dan para malaikat akan mendoakan kesejahteraan buat mereka." Apa yang paling penting ialah rezeki yang digunakan untuk menafkahi isteri itu diraih dengan jalan yang halal.

55 Al-*Nisā'* (4):34.

56 Niẓām al-Mulk, Siyasat Nameh: The Book of Government or R· Kings, trans. Hubert Darke (New Haven: Routledge, 1960), 188–189

Jika si isteri bersikap degil dan suka memberontak, suami mesti membetulkannya. Pertama, *hendaklah dia bermula* dengan nasihat secara lemah-lembut. Jika langkah ini tidak memadai, maka hendaklah dia mengasingkan diri dari tempat tidur selama tiga malam. Jika langkah ini pun tidak berkesan, maka barulah si suami dibenarkan oleh syarak untuk memukulnya. Pun begitu, agama melarang suami daripada memukul muka atau memukul dengan daya yang menyebabkannya cedera.[57] Jika si isteri tetap culas menunaikan tanggungjawab agamanya, maka suami hendaklah menzahirkan ketidaksenangannya selama sebulan, sepertimana Rasulullah pernah lakukan terhadap isteri-isterinya.

Cermatilah setiap keputusan untuk mengelakkan penceraian, kerana meskipun ia diizinkan oleh syarak, Allah membencinya. Ini kerana ungkapan "cerai atau talak" itu sendiri pun boleh melukakan hati wanita. Namun, apabila penceraian tidak dapat dielakkan dengan apa cara sekalipun, ia hendaklah dilaksanakan dengan cara baik, bukan dengan kemarahan dan kebencian, dan bukan tanpa sebarang sebab yang munasabah. Selepas isterinya diceraikan, seorang lelaki itu hendaklah memberikan hadiah kepada bekas isterinya, dan tidak menghebahkan punca isterinya diceraikan. Pernah seorang lelaki ditanya berkenaan sebab dia ingin menceraikan isterinya, lalu dia menjawab, "Aku tidak akan sesekali membocorkan rahsia isteriku." Dan selepas beliau menceraikannya, ramai yang bertanya lagi dengan soalan yang sama, lalu jawabnya, "Kini dia seorang yang asing bagiku; hal peribadinya bukan urusanku lagi."

57 Ini berdasarkan saranan al-Qur'ān, surah al-*Nisā'* (4):34; "Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Be

Sehingga kini kita telah membicarakan hak-hak isteri ke atas suami, namun sebenarnya hak-hak suami ke atas isteri lebih-lebih lagi mengikat. Rasulullah bersabda, "Andai sahaja aku berhak untuk memerintahkan agar manusia bersujud kepada selain Allah, nescaya para isterilah yang paling berhak untuk bersujud kepada para suaminya." Seorang isteri tidak patut merasa bongkak dengan kecantikannya di hadapan suami, dan tidak patut dia membalas kebaikan suaminya dengan sikap kufur nikmat dan mempersoalkan, "Mengapa engkau menafkahi aku dengan sekian-sekian benda?" Rasulullah bersabda, "Aku melihat ke dalam Neraka dan menyaksikan ramai wanita. Aku bertanya kepada para malaikat perihal perkara ini, dan mereka menjawab, 'Mereka itu bersikap kasar terhadap para suami dan tidak tahu bersyukur.'"

Bab 6

Perihal Muzik dan Tarian

Hati insan itu telah diciptakan oleh Allah ta *'ālā*, seperti batu api, mengandungi api yang tersembunyi. Dan api ini akan menyala dengan kemerduan dan keindahan muzik, dan dengannya insan merasa asyik. Keindahan muzik ini merupakan gema yang berkumandang dari keindahan alam yang lebih tinggi, yang kita kenali sebagai alam rohani. Ia menggali memori insan berkenaan asal-usul dan hubungannya dengan alam tersebut, serta menzahirkan sebuah perasaan yang dia sendiri tidak mampu jelaskan. Kesan yang ditinggalkan oleh muzik dan tarian itu lebih mendalam terhadap orang-orang awam yang sifatnya mudah dipengaruhi oleh emosi; muzik menyemarakkan api cinta yang sedia terpendam dalam hati, baik cinta itu bersifat keduniaan, atau ketuhanan, mahupun kerohanian.

Pun begitu, para ulama berbeza pendapat perihal hukum muzik dan tarian yang digiatkan sebagai kegiatan keagamaan. Golongan pertama ialah para Ẓāhiriyyah[58] yang berpegang bahawa insan tidak boleh dibandingkan dengan Allah, dan bahawa insan tidak mungkin mencintai-Nya dalam erti kata yang kita fahami, oleh sebab perasaan cinta itu hanya mungkin dalam kalangan sesama jenis.[59] Jika seseorang itu mendakwa merasakan apa yang dia andaikan sebagai cinta akan Allah,

58 Yakni madhhab yang berpegang dengan zahir ayat-ayat al-Qur'ān dan hadith.

59 Yakni makhluk dengan makhluk sahaja. Oleh kerana Allah bukan makhluk. maka cinta makhluk tidak mungkin sampai kepada *Khāliq*.

para Ẓāhiriyyah mengatakan bahawa itu cumalah khayalan, atau bayang-bayang hasil andaiannya sendiri, atau sekadar cerminan cintanya terhadap sesama makhluk. Menurut mereka, muzik cumalah kegiatan manusiawi, oleh itu ia haram untuk digiatkan sebagai kegiatan keagamaan. Jika kita ajukan soalan kepada mereka apakah itu cinta akan Allah sepertimana yang disyariatkan oleh agama, mereka akan menjawab ianya ialah ketaatan dan ibadah (al-*ṭā'ah wa al-'ibādah*). Ini merupakan sesuatu yang salah, dan kami akan berikan jawapan balas kami berkenaan perkara ini dalam bab yang akan datang. Buat masa ini memadailah untuk kita katakan bahawa muzik dan tarian itu tidak meletakkan sesuatu dalam hati insan melainkan sesuatu yang sudah sedia ada, tetapi muzik dan tarian itu hanya umpama kipas yang menyemarakkan api yang sudah sedia menyala. Justeru, jika seseorang itu memendam cinta kepada Allah, yang dibenarkan oleh Sharī'ah, maka menikmati muzik dan tarian yang membangkitkan cinta itu diharuskan—bahkan sebenarnya digalakkan. Sebaliknya, jika muzik dan tarian hanya membangkitkan nafsu dan syahwat yang bersembunyi dalam hatinya, maka ia ditegah. Manakala, jika dia mendengar muzik dan menikmati tarian sebagai hiburan semata-mata, ia tidak halal dan tidak juga haram. Hanya kerana ia menghiburkan tidak sesekali menjadikannya haram, sepertimana menikmati kemerduan kicauan burung dan menghayati keindahan hijauan pepokok atau air yang mengalir itu tidak haram. Keharusan muzik dan tarian sebagai hiburan masa lapang juga diiyakan dengan sebuah hadith sahih dari 'Ā'ishah yang meriwayatkan, "Pada suatu hari beberapa orang utusan dari Habasyah datang menemui Rasulullah. Sesampainya di masjid, mereka membuat persembahan tarian, sebagaimana adat-istiadat di negeri mereka. Ketika itu, Rasulullah berada di rumah isteri baginda, 'Ā'ishah. Lalu, Rasulullah berkata kepada isterinya, 'Apakah engkau ingin menyaksikan persembahan mereka?' 'Ya, aku ingin,' jawab 'Ā'ishah. Lantas, Rasulullah mengangkat aku dengan ta[illegible]nya Aku menyaksikan persembahan tersebut dengan

sangat lama sehinggakan baginda berkali-kali bertanya, 'Sudah puas atau belum?'" Dalam sebuah hadith yang lain, 'Ā'ishah meriwayatkan lagi, "Pada suatu hari dua orang gadis datang ke rumahku dan membuat persembahan nyanyian dan lagu. Rasulullah datang dan duduk, memalingkan wajahnya ke tempat lain. Tidak beberapa lama kemudian, Abū Bakr pula masuk dan mengherdik, 'Apa ini?! Seruling syaitan di rumah Rasulullah?!' Lalu, Rasulullah membalas, 'Biarkan mereka Abū Bakr. Hari ini hari perayaan.'"

Contoh-contoh lain di mana muzik menjadi halal ialah hamba-hamba Allah yang menunaikan Haji, melaungkan talbiyyah secara berlagu ketika mengelilingi Ka'abah, lalu membangkitkan semangat para Muslimin lain yang juga sedang menunaikan Haji; atau seorang penglipur dan penyair yang mendendangkan lagu dan syair untuk menyemarakkan semangat perjuangan dalam dada-dada para mujahidin ketika menentang orang-orang kafir. Demikian juga, lagu-lagu bernada sedih yang menimbulkan rasa sesal atas dosa-dosa dan kegagalan menunaikan ibadah ialah halal; sepertimana halnya dengan zikir Nabi Dāwūd. Dan begitu juga dengan lagu-lagu gembira yang didendangkan dalam majlis-majlis walimah dan jamuan-jamuan yang meraikan perkara-perkara yang baik; semua ini halal. Sebaliknya, lagu ratapan terhadap orang-orang yang sudah mati yang menyebabkan lara yang berpanjangan itu haram, kerana al-Qur'ān telah menyebut, "(Kamu diberitahu tentang itu) supaya kamu tidak bersedih hati akan apa yang telah luput daripada kamu."[60] Akan tetapi, muzik yang girang di acara-acara perkahwinan dan jamuan seperti kenduri kesyukuran adalah dibenarkan.

Sekarang kita bahaskan pula kegunaan muzik dalam situasi keagamaan, sepertimana yang menjadi kebiasaan para Ṣūfī. Dengan lagu dan tarian mereka menyemarakkan

60 Al-*Ḥadīd* (57):23.

rasa cinta akan Tuhan, dan melalui muzik juga mereka meraih pengalaman-pengalaman kashf dan dhawq, lalu dalam keadaan ini hati mereka menjadi gilap, segilap perak di dalam api relau yang membara, dan mencapai tahap kemurnian hati yang tidak mungkin dapat diraih hanya dengan amalan zuhud. Dengan itu, kesedaran para Ṣūfī terhadap hubungannya dengan alam rohani menjadi sangat hebat sehinggakan kesedaran terhadap dunia ini menghilang, dan seringkali akibatnya mereka jatuh pengsan.

Pun begitu, seorang *sālik* yang baru sahaja menjalani jalan taṣawwuf tidak diharuskan untuk menyertai acara-acara tarian seperti ini tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan dari gurunya yang murshid. Telah dikhabarkan bahawa salah seorang murid Syeikh Abū al-Qāsim al-Jurjānī pernah meminta izin daripadanya untuk menyertai acara tarian para Ṣūfī. Lalu, beliau menjawab, "Hendaklah engkau berpuasa selama tiga hari; kemudian hidangan-hidangan yang menggiurkan disediakan untukmu; jika selepas itu engkau masih menginginkan acara tarian Ṣūfī berbanding hidangan-hidangan lazat tersebut, maka engkau mendapat keizinanku." Namun demikian, murid yang hatinya masih belum sirna dari sebarang syahwat dunia itu, meskipun telah disingkapkan buatnya sekilas inti jalan taṣawwuf, tidak seharusnya diberikan keizinan oleh gurunya, kerana keburukan menyertai acara tarian tersebut lebih besar berbanding manfaatnya.

Adapun orang-orang yang menafikan pengalaman-pengalaman rohani para Ṣūfī hanya mempamerkan kedangkalan akal dan mata hati mereka. Akan tetapi, kita tidak harus berkeras dengan mereka, kerana memang sebenarnya sukar bagi seseorang untuk memperakui pengalaman yang belum pernah dirasai olehnya, sepertimana seorang buta tidak mengerti pengalaman menikmati keindahan rerumput hijau dan air yang mengalir, atau seperti seorang kanak-kanak yang tidak mengerti keasyikan kuasa. Namun, masih juga, seorang yang cerdik, me[illegible]ernah merasainya, akan berhati-hati daripada

menafikan hakikat pengalaman para Ṣūfī. Ini kerana tidak ada kejahilan yang lebih besar berbanding seorang yang menafikan hakikat sesuatu hanya kerana dia belum pernah mengalaminya! Dan al-Qur'ān telah pun berbicara mengenai orang-orang seperti ini, "Dan setelah mereka tidak dapat menerima petunjuk al-Qur'ān itu, (mereka memusuhinya) lalu mereka mencacinya dengan berkata: 'Al-Qur'ān ini ialah rekaan dusta yang sudah lama.'"[61]

Kemudian, perihal puisi cinta para Ṣūfī yang dilagukan dalam himpunan-himpunan mereka, yang banyak ditentang oleh sebahagian orang, kita harus sedar bahawa ungkapan-ungkapan dalam syair-syair tersebut memerihalkan hubungan mereka dengan Allah (bukan dengan wanita)—misalnya seperti ungkapan "pertemuan" dan "perpisahan"; begitu juga ungkapan seperti "gelung hitam" yang merujuk kepada kegelapan kekufuran, manakala "wajah yang terang" merujuk kepada cahaya keimanan, dan "kemabukan" merujuk kepada pengalaman dhawq. Seseorang itu bisa berbicara dan mengarang berjilid-jilid syair cinta, iman, takwa, dan sebagainya, dan dia bisa menulis sehingga kertas putih menjadi hitam sekalipun, namun selagi mana dia sendiri tidak memiliki sifat-sifat yang dibicarakan dalam bicara dan tulisannya semua ini tidak bermakna apa-apa. Oleh yang demikian, orang-orang yang sengaja mencari salah dalam kegiatan para Ṣūfī hanya kerana mereka mampu menjadi terkesan dengannya hanya bersikap dangkal dan sakit hati. Unta pun boleh terkesan dengan nyanyian penunggangnya sehingga mereka mampu menderap dengan laju, menggalas beban-beban yang berat, sehingga akhirnya mereka tumpas keletihan.

Namun demikian, orang-orang yang mendengar ungkapan Ṣūfī ini harus berhati-hati dengan kekufuran jika dia menisbahkan apa sahaja yang didengarinya kepada Tuhan. Misalnya, jika dia mendengar ungkapan seperti, "Engkau telah berubah

61 Al-A*ḥqāf* (46):11.

akibat kecenderunganmu," janganlah dia menganggapnya merujuk kepada Tuhan, kerana Allah tidak sesekali berubah mengikut "angin"-Nya. Allah itu ibarat matahari yang sentiasa bersinar tanpa henti, namun sesekali cahaya-Nya terhalang dari penglihatan kita akibat objek-objek yang menjadi penghalang.

Berkenaan sebahagian ahli Ṣūfī yang tinggi, pernah dikhabarkan bahawa mereka meraih dhawq yang amat hebat sehingga diri mereka menjadi fana dalam mengingati Allah. Demikianlah halnya Shaykh Abū al-Ḥusayn al-Nūrī, apabila mendengar rangkap-rangkap tertentu beliau serta-merta jatuh ke dalam dhawq. Dalam keadaan tersebut, beliau berlari ke sebuah lapangan yang dipenuhi batang tebu yang baru sahaja ditebang, beliau berlari sehingga kakinya luka dan berdarah, dan tidak beberapa lama kemudian akhirnya meninggal dunia. Dalam kejadian-kejadian seperti ini, ramai yang menyangka bahawa mungkin Allah benar-benar "turun" ke dunia dan merasuki manusia, namun ini satu kesilapan yang besar, sepertimana seorang yang melihat dirinya di dalam cermin kemudian menyangka dirinya telah bercantum dengan cermin tersebut, atau seperti seorang yang menyangka warna kemerahan dan keputihan yang terlihat di dalam cermin sebagai warna cermin itu sendiri.

Pengalaman dhawq yang dilalui oleh para Ṣūfī itu berbeza menurut perasaan yang paling kuat dalam dirinya—sama ada cinta, takut, rindu, taubat, dan lain-lain. Pengalaman-pengalaman yang berbeza ini semua, seperti yang telah kita sebutkan di atas, bukan sahaja merupakan kesan mendengar ayat-ayat al-Qur'ān, tetapi juga syair-syair cinta. Sesetengah orang telah menentang mendendangkan syair, dan juga bacaan al-Qur'ān, dalam situasi-situasi seperti ini; namun, harus diingati bahawa semua ayat al-Qur'ān itu bukan bertujuan membangkitkan perasaan—misalnya ayat-ayat berhubungan perwarisan atau tempoh menunggu bagi wanita yang telah diceraikan. Sifat orang-orang yang mudah tercampak ke dalam pengalaman dhawq ini sangat nadir.

Selain itu, antara sebab lain mengapa syair digunakan adalah kerana ayat-ayat al-Qur'ān itu sudah menjadi terlalu biasa bagi ramai orang, bahkan ramai yang menghafalnya dan mengulangi bacaannya, sehinggakan kesan yang boleh diberikan oleh ayat-ayat al-Qur'ān itu telah memudar. Dan bilangan ayat-ayat al-Qur'ān itu terhad, tidak seperti syair yang sentiasa boleh digubah baharu. Pernah suatu ketika sekumpulan orang Arab Badwi mendengar ayat-ayat al-Qur'ān buat pertama kali dan sangat terkesan dengannya. Kemudian, Abū Bakr berkata kepada mereka, "Dahulu kami juga seperti kalian, namun hati kami telah menjadi keras," yakni ayat-ayat al-Qur'ān itu sudah kurang memberikan kesan kepada hati mereka. Atas sebab yang sama juga, Khalifah 'Umar bin al-Khaṭṭāb pernah mengusir para Haji di Makkah agar segera meninggalkan tempat itu, kerana katanya, "Aku khuatir kalian akan menjadi terbiasa dan bosan dengannya sehinggakan keagungannya akan lekang dari hati kalian."[62]

Tambahan lagi, terdapat kaitan dengan perkara-perkara yang ringan dan melekakan bagi orang-orang awam dalam penggunaan nyanyian dan lagu, oleh itu perkara ini tidak padan untuk dikaitkan dengan kemuliaan al-Qur'ān, meskipun hanya untuk beberapa ketika. Diriwayatkan bahawa ketika Rasulullah memasuki rumah Rabī'ah binti Mu'ādh, beberapa orang wanita yang berada di dalam rumah tersebut mula bermadah dan berlagu secara spontan untuk memuliakan baginda. Lalu, baginda segera menyuruh mereka berhenti, kerana puji-pujian buat baginda itu terlalu suci untuk diperlakukan sedemikian. Antara bahaya yang lain juga, jika hanya ayat-ayat al-Qur'ān sahaja yang dibacakan, nescaya para pendengar akan mula membayangkan pelbagai jenis tafsiran, dan ini haram. Namun, sebaliknya, apa sahaja bentuk tafsiran ke atas bait-bait syair tidak menjadi masalah kerana sesetengah syair itu tidak semestinya difahami menurut kehendak pengarangnya.

Antara kejadian yang juga sering berlaku ialah para Ṣūfī itu membengkok-bengkokkan badan mereka dalam keadaan-keadaan tertentu dan mengoyakkan baju. Jika sekalian tingkah laku ini terhasil akibat pengalaman dhawq yang asli, maka tidak ada apa-apa yang boleh kita katakan. Namun, jika semua itu hanyalah lakonan semata-mata agar kelihatan seperti ahli Ṣūfī sebenar, maka itu semua hanyalah tingkah laku munafik. Apa-apa pun seorang ahli Ṣūfī sejati itu hakikatnya mampu mengawal dirinya sendiri melainkan jika pengalamannya itu benar-benar tidak dapat dikawal lagi. Pernah diceritakan bahawa seorang anak muda yang merupakan seorang murid kepada Syeikh al-Junayd, ketika mendengar nyanyian Ṣūfī, tidak mampu mengawal dirinya sendiri lalu menjerit dalam dhawq. Kemudian, al-Junayd berkata kepadanya, "Sekali lagi engkau berbuat sebegitu, nyah engkau dari bulatanku." Setelah itu, anak muda itu pun menahan dirinya, namun pada suatu hari dhawqnya menjadi sangat kuat sehingga akhirnya dia menjerit dan kemudiannya meninggal dunia.

Kesimpulannya, pertimbangan terhadap tempat dan masa yang sesuai mestilah mendahului anjuran acara-acara sebegini, dan janganlah ada pemerhati-pemerhati yang hadir berniat buruk. Sesiapa sahaja yang menyertai acara-acara sebegini hendaklah duduk diam dan tidak melihat-lihat orang lain, sebaliknya sentiasa tunduk seakan-akan dalam solat, dan menumpukan perhatian mereka hanya kepada Allah. Setiap orang harus meneliti apa sahaja yang mungkin akan diilhamkan ke dalam hatinya, dan tidak bergerak-gerak dengan sengaja. Namun, jika salah seorang daripada mereka berdiri akibat dhawq yang hakiki, maka sekalian yang lain juga harus berdiri, dan jika ada salah seorang daripada mereka yang jatuh serbannya, maka sekalian yang lain juga harus menjatuhkan serban mereka.

62 Diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

Meskipun amalan-amalan ini masih baru dalam Islam dan bukan warisan daripada generasi-generasi terawal dalam kalangan para pengikut Rasulullah, kita harus sedar bahawa bukan semua perkara yang baharu itu terlarang menurut Sharīʿah, namun hanya amalan-amalan yang secara terangan menyalahinya sahaja. Sebagai misalan, amalan solat tarawih di bulan puasa mula-mula ditetapkan sebagai amalan sewaktu zaman Khalifah ʿUmar bin al-Khaṭṭāb. Rasulullah bersabda, "Santunilah setiap insan itu menurut tabiat dan kecenderungannya," justeru selayaknya kita memanfaatkan pendekatan-pendekatan yang menyenangkan hati mereka, ketika mana pendekatan-pendekatan tegas hanya akan menjauhkan mereka. Memang benar, para sahabat bukanlah jenis yang membiasakan diri untuk bangkit ketika mana Rasulullah hadir ke dalam majlis mereka, kerana mereka tidak gemar akan amalan sebegini; namun, di mana sahaja amalan sebegini telah menjadi rasmi, dan tidak mencermatinya hanya akan melahirkan rasa tidak senang, lebih baik untuk kita mematuhinya. Orang-orang Arab memiliki adat resam mereka, orang-orang Parsi juga memiliki adat resam tersendiri, dan demikian juga bangsa-bangsa lain. Dan Allah sahajalah yang lebih tahu akan perkara yang terbaik.

Bab 7:

Mengingati Allah (*DhikruLlāh*)

Ketahuilah, wahai saudaraku, bahawa Allah telah berfirman dalam al-Qurʾān, "Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) Hari Kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikit pun; dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung);..."[63] Dan lagi, "...dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (Hari Akhirat)."[64] ʿUmar bin al-Khaṭṭāb pernah berkata, "Perhitungkanlah dirimu sebelum engkau diperhitungkan." Kemudian, al-Qurʾān menyebut lagi, "Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh..."[65]

Para wali sentiasa sedar bahawa kehidupan di dunia ini adalah untuk melalui sebuah urus niaga rohani, di mana keuntungan dan kerugiannya akan menjelma dalam bentuk Syurga atau Neraka. Justeru, mereka sentiasa memerhatikan jasad mereka dengan siap siaga, yang seakan-akan seorang pendamping

63 *Al-Anbiyāʾ* (21):47.
64 Al-*Ḥ*ashr (59):48.
65 *Āli ʿImrān* (3):200.

yang bersifat khianat, yang boleh menyebabkan kerugian yang besar. Oleh itu, seorang yang bijaksana akan meluangkan masa selama sejam selepas solat dalam waktu fajar untuk membuat perhitungan ke atas dirinya sendiri, seraya berkata kepada jiwanya sendiri, "Wahai diri, engkau hanya ada satu hayat di dunia; tidak ada sehembus nafas pun yang telah digunakan akan kembali, kerana dalam catatan Allah itu jumlah hembusan nafas yang diperuntukkan untukmu itu terbatas, dan tak akan sesekali dapat ditambah lagi. Selepas hayatmu di sini berakhir, tidak ada sebarang urus niaga lagi yang engkau boleh lakukan; oleh yang demikian, apa-apa sahaja ibadah yang engkau ingin lakukan, lakukannya segera; andaikanlah bahawa hari ini sudah pun habis, dan hayat yang berbaki hanyalah waktu tambahan kurniaan istimewa oleh Allah. Lalu, adakah kerugian yang lebih besar jika engkau menggadaikannya?"

Pada Hari Kebangkitan kelak, setiap orang akan mendapati setiap jam dalam hayatnya di dunia akan disusun seperti sebaris peti-peti harta karun. Salah satu peti tersebut akan dibuka, dan kandungannya penuh dengan cahaya yang benderang; peti ini mewakili sejam dalam hayatnya yang dia luangkan untuk mengerjakan kebaikan. Hatinya akan dipenuhi dengan kegirangan yang amat hebat sehinggakan hanya sekelumit kegirangan tersebut akan membuatkan para penghuni Neraka lupa akan azabnya. Kemudian, sebuah peti lagi akan dibuka pula, dan kandungannya berisi kegelapan yang gelita, dan bau yang sangat busuk keluar darinya sehingga setiap orang pasti akan menekap hidungnya; peti ini mewakili sejam dalam hayatnya yang diluangkan untuk mengerjakan maksiat, dan perasaan gerun akan melangsiri hatinya sehinggakan hanya sekelumit sahaja kegerunan tersebut sudah memadai untuk membuatkan para penghuni Syurga untuk merasa putus asa. Seterusnya, peti ketiga pula akan dibuka; namun, ia kosong tidak berisi, tiada cahaya mahupun kegelapan: dan peti ini mewakili sejam dalam hayatnya yang tidak dia luangkan untuk berbuat baik mahupun berbuat jahat. Lalu, dia akan bergelumang dengan perasaan kesal dan keliru seperti seorang yang pernah memiliki harta yang banyak namun telah membazirkannya. Demikianlah setiap jam dalam hidupnya akan dibentang satu demi satu. Maka, setiap orang harus tekankan kepada jiwanya setiap pagi, "... bahawa Allah telah mengurniakan engkau dua puluh empat jam setiap hari; maka, hendaklah engkau cermati atau engkau akan kehilangan beberapa peti, dan engkau tak akan pernah sanggup untuk menanggung penyesalan yang mengiringi kerugian sedemikian."

Kemudian, para wali juga sentiasa sedar bahawa meskipun Allah boleh memaafkan jiwa yang telah membazirkan hayatnya, dia tidak akan dapat mencapai martabat para soleh, dan ini pun sudah memadai untuk menyebabkan penyesalan. Oleh yang demikian, hendaklah engkau sentiasa mencermati setiap tutur kata lisanmu, setiap renungan matamu, dan tingkah laku setiap anggota jasadmu, kerana setiap satunya boleh menjadi gaung yang menyebabkan engkau jatuh ke dalam Neraka. Katakanlah kepada jasadmu, "Jika engkau berdegil menurut hawa nafsu, akan aku hukum engkau sekeras-kerasnya." Sekalipun jasad itu degil sifatnya, ia boleh dilatih dan dijinakkan dengan sifat zuhud. Inilah tujuan muhasabah, dan Rasulullah pula pernah bersabda, "Berbahagialah si dia yang mengerjakan sesuatu yang akan menjadi faedah baginya selepas mati kelak."

Oleh itu, di sini kami akan membicarakan perihal mengingati Allah (*dhikruLlāh*). Ketahuilah bahawa *dhikruLlāh* itu dikerjakan dengan sentiasa mengingatkan diri sendiri bahawa Allah sentiasa mengawasi tingkah laku dan buah fikirannya. Manusia hanya nampak apa yang zahir, namun pengawasan Allah meliputi apa yang zahir dan menembus masuk ke dalam hati manusia. Barangsiapa yang benar-benar mengimani perkara ini pasti akan berhasil menundukkan dirinya yang zahir dan batin. Jika dia tidak mengimaninya, maka dia seorang kafir; namun, jika dia mengimaninya tetapi tetap berkelakuan

sebaliknya, maka dia hanya menipu dirinya sendiri. Pada suatu hari, seorang lelaki berjumpa dengan Rasulullah dan berkata, "Wahai Rasulullah, aku telah melakukan banyak dosa! Adakah taubatku akan diterima?" Rasulullah menjawab, "Ya." Lelaki tersebut bertanya lagi, "Wahai Rasulullah, sepanjang waktu aku melakukan semua dosa itu, adakah Allah benar-benar melihat setiap satunya?" Baginda menjawab, "Ya." Lelaki itu berteriak kegerunan lalu meninggal dunia. Demikianlah, selagi seseorang itu belum benar-benar yakin bahawa dia selalu diawasi oleh Allah, mustahil untuk dia menjadi seorang yang baik.

Pernah suatu ketika seorang syeikh menyayangi salah seorang muridnya melebihi murid-muridnya yang lain. Lalu, pada satu hari, syeikh tersebut memberikan seekor burung kepada setiap orang muridnya dan memerintahkan mereka untuk membunuh burung itu tanpa dilihat oleh sesiapa. Maka, setiap orang muridnya pergi menyembelih burung mereka di tempat-tempat tersembunyi dan membawanya pulang kepada sang syeikh. Hanya seorang sahaja yang tidak menyembelih burungnya, iaitu murid kesayangan sang syeikh, yang membawa pulang burungnya masih bernyawa. Dia berkata, "Aku tidak menjumpai mana-mana tempat yang tidak dilihat oleh sesiapa, kerana Allah maha melihat." Si syeikh pun berkata, "Perhatikanlah martabat sebenar pemuda ini; dia telah mencapai martabat *dhikruLlāh* sepanjang masa."

Ketika Zulaykha menggoda Nabi Yūsuf, dia melabuhkan sehelai kain untuk menutup wajah berhala yang pernah disembah olehnya. Lalu, Nabi Yūsuf berkata, "Wahai Zulaykha, dengan seketul batu pun engkau sudah merasa malu. Adakah patut aku tidak merasa malu dengan Dia yang menciptakan sekalian tujuh petala langit dan bumi?"

Seorang lelaki pernah berjumpa dengan al-Junayd dan berkata, "Aku tidak mampu menghalang mataku daripada melihat perkara-perkara yang terlarang. Apa yang perlu al-

lakukan?" Al-Junayd menjawab, "Dengan mengingati bahawa Allah mengawasimu dengan daya penglihatan yang lebih jelas berbanding penglihatanmu." Dalam sebuah hadith disebutkan bahawa Allah telah berfirman, "Syurga adalah untuk para hamba-Ku yang ingin melakukan dosa, namun terus mengingatkan dirinya sendiri bahawa Aku sentiasa mengawasi mereka, lalu mereka menahan diri."

ʿAbduLlāh bin Dīnār pernah memerihalkan, "Pada suatu ketika, aku sedang berjalan dengan ʿUmar bin al-Khaṭṭāb sekitar Makkah, kemudian kami terserempak dengan seorang khadam lelaki sedang menggembala biri-birinya. ʿUmar pun berkata, 'Jualkan kepadaku seekor biri-biri.' Khadam tersebut membalas, 'Biri-biri ini semua bukan kepunyaanku, tetapi milik tuanku.' ʿUmar pun menduganya dengan lebih lanjut, 'Engkau boleh khabarkan kepada tuanmu bahawa seekor serigala telah menculik seekor biri-birinya, dan tuanmu tidak perlu tahu kejadian yang sebenarnya.' Khadam itu membalas lagi, 'Benar, tuanku tidak akan tahu. Tetapi, Allah maha tahu.' Lalu, ʿUmar pun menangis, membayar harga khadam itu, dan membebaskannya. Dan ʿUmar berkata kepadanya, 'Oleh sebab kata-katamu ini, engkau sudah merdeka di dunia ini, dan akan tetap merdeka di akhirat kelak.'"

DhikruLlāh itu terbahagi kepada dua darjat. Yang pertama ialah darjat para wali yang fikiran mereka hanya dipenuhi dengan renungan terhadap kebesaran Tuhan sahaja, dan tidak memperuntukkan sebarang ruang untuk perkara-perkara lain. Darjat ini adalah *dhikruLlāh* yang lebih rendah, kerana jika hati seseorang itu sudah dipateri dan sendi-sendinya sudah dikuasai hati sehingga dia menahan diri daripada mengerjakan perkara-perkara yang harus di sisi agama sekalipun, maka dia tidak memerlukan sebarang perisai lagi yang menghalangnya daripada melakukan dosa. *DhikruLlāh* sebeginilah yang disebutkan oleh Rasulullah, "Barangsiapa yang bangkit pada waktu pagi dalam keadaan mengingati Allah, maka Allah akan memeliharanya di ia ini dan di akhirat nanti."

Sebahagian orang yang berada pada darjat ini begitu hanyut dalam *dhikruLlāh* sehinggakan dia tidak mendengar sebarang ucapan yang diajukan kepadanya dan tidak melihat apa-apa sahaja yang berada di hadapannya, tetapi terjelepok jatuh jika terlanggar sesuatu. Seorang wali pernah menghikayatkan, "Pernah suatu hari aku melalui suatu kawasan di mana beberapa orang pemanah sedang beradu kemahiran mereka. Tidak jauh dari kawasan tersebut, seorang lelaki sedang duduk berseorangan. Aku cuba menghampirinya untuk berbicara, namun dia menjawab, '*DhikruLlāh* itu lebih baik berbanding berbicara denganmu.' Aku pun bertanya, 'Tidakkah engkau berasa keseorangan?' Dia membalas pula, 'Tidak! Allah dan dua orang malaikat sedang bersamaku.' Aku pun menunjuk ke arah para pemanah dan bertanya, 'Tahukah engkau siapakah dalam kalangan mereka itu yang menang?' Dia menjawab, 'Yang itu, kerana Tuhan telah menetapkan rezekinya.' Kemudian aku bertanya pula, 'Jalan ini dari mana?' Lalu, dia memandang ke langit, berdiri, dan kemudian beredar sambil berkata, 'Wahai Tuhanku! Ramai sungguh makhluk-Mu yang cuba menghalangku dari mengingati-Mu.'"

Pada suatu hari, al-Shiblī pergi bertemu Abū al-Ḥusayn al-Nūrī yang sedang duduk dalam dhik*ruLlāh*, begitu pegun sehinggakan tidak ada sehelai pun rambutnya yang bergerak. Lalu, al-Shiblī bertanya, "Dari mana engkau mempelajari untuk menjadi begitu pegun dalam *dhikruLlāh*?" Al-Nūrī menjawab, "Dari seekor kucing yang lebih pegun berbanding aku di lubang tikus." Abū ʿAbduLlāh ibn Khafīf menceritakan, "Aku telah dikhabarkan bahawa di kota Ṣūr terdapat seorang syeikh dan muridnya yang sentiasa dalam keadaan duduk dan hanyut dalam *dhikruLlāh*. Kemudian, aku pergi melihat keadaan mereka dan mendapati kedua-duanya sedang duduk menghadap ke arah kiblat. Aku memberikan salam kepada mereka sebanyak tiga kali, namun tidak berjawab. Lalu, aku berkata, 'Demi Allah! Engkau wajib menjawab salamku.' Sang [illegible] ngkat kepalanya dan berkata, 'Wahai Ibn Khafīf, dunia ini hanya sementara. Dan dalam sedikit waktu yang ada, hanya beberapa ketika sahaja yang berbaki. Dan engkau pula sibuk menuntut kami untuk menjawab salammu yang tiada erti.' Kemudian, dia kembali menundukkan pandangannya dan diam. Ketika itu, aku merasa sangat marah dan dahaga. Namun, melihat kedua-dua orang itu menghilangkan marah dan dahaganya. Syahadan, aku berdamping dengan mereka buat seketika dan menunaikan solat zuhur dan asar bersama mereka. Selepas itu, aku memohon nasihat daripada mereka, lalu sang murid menjawab, 'Wahai Ibn Khafīf, kami ini sibuk; kami tidak ada kesempatan untuk memberikan sebarang nasihat.' Aku pun kekal mendampingi mereka selama tiga hari tiga malam; tidak ada sepatah perkataan pun yang kami tuturkan dan kami tidak tidur. Dan aku katakan kepada diriku sendiri, 'Demi Allah, akan aku dapatkan nasihat daripada mereka berdua.' Sang murid itu dapat membaca fikiranku, lalu sekali lagi berkata, 'Nyah engkau! Pergilah cari sesiapa yang boleh memberikan nasihat sebegitu. Menziarahinya saja akan membuatkan engkau mengingati Allah dan menanamkan rasa takut ke dalam hatimu, dan nasihatnya kepadamu hanya akan diberikan dengan hanya membisu dan bukan kata-kata.'" Demikianlah keadaannya bagi para wali yang hanyut dalam *dhikruLlāh*.

Darjat *dhikruLlāh* yang kedua pula ialah amalan para *aṣḥāb al-yamīn*.[66] Mereka ini sedar sepanjang masa bahawa Allah tahu akan segala perkara berkenaan diri mereka, dan mereka merasa malu berada dalam hadrat-Nya, namun mereka tidak hanyut dek kerana kebesaran-Nya dalam *dhikruLlāh*, sebaliknya mereka tetap sedar akan diri dan persekitaran mereka. Keadaan mereka itu seperti orang-orang yang tiba-tiba sedar akan ketelanjangan mereka, lalu terus menutup badan; manakala, golongan pertama pula seperti orang-orang yang tiba-tiba sedar sedang berada di

[66] elaran yang terkandung dalam al-Qur'ān, *al-Wāqiʿah* (56):7–10.

hadapan seorang raja namun tercegat kekeliruan dan terkesima. Golongan kedua itu meneliti semua perkara yang terlintas dalam fikirannya, kerana pada Hari Kiamat nanti tiga soalan pasti akan diajukan berkenaan setiap perbuatan seseorang: pertama, "Mengapa engkau lakukan perbuatan itu dan ini?"; kedua, "Dengan cara apa engkau lakukan perbuatan tersebut?"; dan ketiga, "Atas tujuan apa perbuatan tersebut dilakukan?" Soalan pertama itu diajukan kerana insan seharusnya bertindak berlandaskan dorongan *ilāhī*, bukan dorongan syaitan atau jasadi. Jika soalan pertama dapat dijawab dengan baik, soalan kedua pula akan diajukan untuk menilai sama ada ia dilakukan dengan hikmah dan cermat atau cuai dan culas. Kemudian, jika soalan kedua pun dapat dijawab dengan baik, maka soalan ketiga pula diajukan sama ada memang benar tujuannya adalah untuk meraih reda Allah atau sekadar mendapatkan perhatian manusia. Jika seseorang itu benar-benar mengerti akan makna soalan-soalan ini, maka dia akan sentiasa mencermati keadaan hatinya, dan bagaimana dia mengendahkan perkara-perkara yang melintasi fikirannya yang berkemungkinan besar akan terzahir dalam bentuk perbuatan. Untuk menapis fikiran-fikiran baik daripada yang buruk merupakan tugasan yang sangat payah, dan barang siapa yang tidak mampu melakukannya dengan sendiri hendaklah mendampingi seorang pembimbing, yang mana pendampingan tersebut boleh menyinari hatinya. Dia perlu sangat berhati-hati dengan ulama dunia yang kadang-kadang boleh menjadi wadah muslihat syaitan. Allah pernah berfirman kepada Nabi Dāwūd, "Wahai Dāwūd, janganlah engkau meminta nasihat dari orang-orang terpelajar yang mabuk dengan dunia, kerana mereka akan merampas cinta engkau akan Aku." Rasulullah pula pernah bersabda, "Allah mengasihi seorang yang cermat membezakan perkara-perkara yang syubhah, dan yang akalnya selamat dari tipu daya nafsu." Akal dan daya membezakan [baik dan buruk] itu mempunyai hubungan yang sangat akrab, dan jika akal seseorang itu tidak mampu menundukkan nafsunya, maka dia tidak akan mampu untuk membezakan antara baik dengan buruk.

Selain berhati-hati dengan tindakan yang mungkin akan dilakukannya, setiap orang juga hendaklah memperhitungkan amalan silamnya dengan tegas. Setiap petang hendaklah dia memeriksa hatinya berkenaan segala amalannya pada hari tersebut untuk menilai sama ada dia sudah meraih keuntungan atau menanggung kerugian. Ini lebih-lebih lagi perlu kerana hati itu umpama seorang teman niaga yang khianat, yang sentiasa sedia untuk menipu dan membuat dajal; kadang-kadang ia memperagakan sifat mementingkan diri dalam bentuk ketaatan kepada Allah, yang membuatkan seseorang itu menyangka bahawa dia telah meraih keuntungan, padahal sebenarnya dia menanggung kerugian tanpa disedari.

Seorang wali bernama Ibn al-Ṣimmah yang berusia enam puluh tahun pernah memperhitungkan usianya. Lalu, dia dapati bahawa nilai umurnya seumpama 21,600 hari. Kemudian, dia katakan kepada dirinya sendiri, "Waima demikian, jika aku berdosa setiap hari, maka bagaimanakah caranya untuk boleh lenyapkan dosa selama 21,600 hari?" Lalu, dia berteriak dan rebah ke tanah; apabila orang ramai menjumpainya, dia sudah pun meninggal dunia. Namun, kebanyakan orang masih lalai, dan tidak pernah terfikir untuk memperhitungkan diri mereka. Jika seseorang itu meletakkan seketul batu kecil di dalam sebuah rumah untuk setiap dosa yang dilakukannya, maka sekejap sahaja rumah itu akan dipenuhi dengan batu; dan jika malaikat Raqīb dan ʿAtīd[67] yang mencatat segala amalannya menuntut upah untuk setiap dosa, maka dia pasti akan menjadi muflis. Ramai orang berbangga mengira zikir mereka dengan tas*bīḥ*, tetapi mereka tidak pernah mengira dengan apa-apa *tasbīḥ* pun setiap perkataan sia-sia yang telah mereka ungkapkan. Oleh sebab itulah ʿUmar bin al-Khaṭṭāb pernah berkata, "Perhitungkanlah perkataan dan

67 Kedua-dua orang malaikat ini juga dikenali sebagai *Kirāman Kātibīn*.

perbuatanmu sebelum engkau akan diperhitungkan pada Hari Pembalasan nanti." Setiap malam sebelum tidur, beliau sendiri pun selalu memukul kakinya sendiri dan berkata, "Apakah kebaikan yang telah engkau lakukan hari ini?"

Suatu ketika Abū Ṭalḥah sedang bersembahyang di sebuah dusun tamar miliknya, ketika mana beliau terlihat seekor burung yang cantik dan menyebabkan beliau lupa akan bilangan rakaat solatnya. Bagi menghukum kelalaiannya, beliau menyedekahkan dusun tersebut kepada orang miskin. Para wali sebegini sedar akan kelemahan jiwa haiwani mereka, oleh yang demikian mereka mengawasinya dengan tegas dan menghukumnya atas setiap kecuaian.

Jika seseorang itu mendapati dirinya lambat dan tidak gemar akan amalan-amalan zuhud dan tazkiyyat al-nafs, hendaklah dia mendapatkan nasihat daripada seorang yang biasa dengan amalan-amalan sedemikian, mudah-mudahan mendapat berkat kezuhudannya. Seorang wali pernah berkata, "Jika aku mendapati diriku hangat-hangat tahi ayam dalam menundukkan nafsu, aku lihat kepada Muḥammad bin Wāsi', dan melihatnya sahaja sudah mampu menyalakan semula semangatku sekurang-kurangnya untuk seminggu." Namun, jika seseorang itu tidak mendapati sesiapa yang berhampiran dengannya dengan sifat ini, maka hendaklah dia menelaah hayat para wali; dan hendaklah dia menasihatkan jiwanya sendiri dengan cara ini: "Wahai jiwaku, adakah engkau menyangka dirimu cerdik, dan marahkah dikau jika digelar dungu, namun begitu, jika bukan dungu, lalu apa? Engkau membuat persiapan untuk melindungi dirimu dari kesejukan musim sejuk, namun engkau tidak membuat sebarang persiapan untuk akhirat. Keadaanmu ini seumpama seorang lelaki yang di tengah-tengah musim sejuk dan berkata, 'Aku tidak akan memakai sebarang pakaian yang hangat, aku hanya bergantung kepada rahmat Allah untuk melindungi diriku dari bahaya sejuk.' Lupakah dikau bahawa Tuhan yang samalah yang menciptakan kesejukan itu, dan mengajarkan manusia untuk membuat pakaian hangat bagi melindungi dirinya dari kesejukan, dan menyediakan pula bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat baju sejuk? Ingatlah wahai jiwa, bukanlah hukuman yang menantimu di akhirat kelak disebabkan oleh kemurkaan Allah terhadap keingkaranmu; dan jangan sesekali berani engkau berkata, 'Tak akanlah dosa-dosaku menyakiti Tuhan?' Tidak sesekali! Sebaliknya, nafsumu sendiri yang akan menyalakan api Neraka dalam dirimu; serupalah keadaannya dengan seorang yang memakan makanan yang buruk, lalu penyakit pun datang dari dalam badannya sendiri, bukan kerana kekecewaan tabib akibat nasihatnya tidak diendahkan."

Katakan lagi, "Celakalah engkau, wahai jiwa, dengan cintamu yang tidak tergoyah terhadap dunia! Sekalipun engkau tidak percaya akan kewujudan Syurga dan Neraka, tentu sekali sekurang-kurangnya engkau percaya akan kepastian maut, yang akan merampas semua kelazatan dunia dan menyebabkan engkau derita akibat perpisahan, yang akan menjadi lebih parah sesuai dengan keterikatanmu kepadanya. Mengapa begitu ghairah sekali engkau memburu dunia? Padahal jika sekalian isinya, dari Timur ke Barat, menjadi milikmu dan mendewakanmu sekalipun, semuanya itu akan berubah menjadi debu dalam masa terdekat, dan masa akan meluputkan namamu dari ingatan manusia, sepertimana yang telah terjadi kepada raja-raja terdahulu. Lihatlah keadaanmu sekarang. Sebesar mana sangatlah harta dunia yang engkau miliki? Tidak banyak, itu pun hanya yang buruk-buruk sahaja. Begitu bebalkah engkau sehingga sanggup menggadaikan kebahagiaan abadi demi dunia, menggadaikan piala yang berharga demi cawan tanah liat yang pecah? Dan mengapa sehingga menjadikan dirimu bahan ketawa di akhirat?"

Bab 8:

Mencintai Allah (*ḤubbuLlāh*)

Mencintai Allah ialah sebuah mauduk yang terutama, dan merupakan tujuan akhir bagi semua perkara yang telah kami bahaskan sehingga setakat ini. Sedari awal kami membahaskan pelbagai jenis bahaya yang boleh membejatkan cinta Allah dari dikejapkan dalam hati insan, dan kami juga telah membahaskan pelbagai jenis sifat baik yang menjadi prasyarat buatnya. Inti pati kesempurnaan manusiawi itu boleh dikatakan begini: cinta akan Allah hendaklah memenuhi hati insan dan mempengaruhinya sepenuhnya, dan sekalipun cinta itu tidak memiliki hati sepenuhnya hendaklah ia menguasai hati dari segala cinta yang lainnya. Namun demikian, untuk memahami mauduk cinta Ilahi ini merupakan suatu perkara yang sangat rumit, sehinggakan terdapat sekelompok manusia yang langsung menafikan kemungkinan untuk manusia mencintai Dia yang bukan sebangsa dengannya, dan mereka telah mentakrifkan cinta Allah itu hanya sebagai ketaatan. Mereka yang berpegang dengan pandangan sebegini tidak benar-benar faham akan makna agama yang sebenar.

Semua umat Islam bersepakat bahawa cinta kepada Allah itu merupakan sebuah tanggungjawab. Allah berfirman perihal orang-orang beriman, "...suatu kaum yang Dia cintai dan mereka juga cinta akan-Nya..."[68] Rasulullah pula bersabda, "Tidak sempurna iman seseorang sehingga dia mencintai Allah dan Rasul-Nya melebihi segala yang lain."[69] Ketika malaikat maut datang untuk mengambil nyawa Nabi Ibrāhīm, baginda bersabda, "Pernahkah Engkau melihat seorang sahabat yang ingin mengambil nyawa sahabatnya?" Lalu, Allah membalas, "Pernahkah engkau dapati seorang sahabat yang enggan bertemu dengan Sahabatnya?" Lantas, Nabi Ibrāhīm bersabda, "Wahai Izrā'īl, ambillah nyawaku!" Rasulullah mengajarkan sebuah doa kepada umatnya, "Ya Allah, berikan daku cinta terhadap-Mu, dan cinta mereka yang mencintai-Mu, dan kepada sesiapa sahaja yang membawaku hampir kepada cinta-Mu, dan jadikanlah cinta akan-Mu itu sesuatu yang lebih berharga kepadaku berbanding air sejuk kepada orang yang dahaga." Ḥasan al-Baṣrī berkata, "Barang siapa yang benar-benar mengenali Allah pasti akan mencintai-Nya, dan barang siapa yang benar-benar mengenali dunia pasti akan membencinya."

Sekarang mari kita perkatakan perihal hakikat cinta. Cinta boleh ditakrifkan sebagai kecenderungan kepada sesuatu yang indah. Ini sangat jelas berhubungan pancaindera, setiap satunya mencintai perkara-perkara yang indah menurut kecenderungan masing-masing: kerana itu mata mencintai objek-objek indah; telinga mencintai bunyian merdu; hidung mencintai wangian; dan lain-lain. Cinta jenis ini dikongsi oleh manusia dan haiwan secara amnya. Namun, terdapat deria, atau daya, keenam yang tertanam dalam hati insan yang tidak dimiliki oleh haiwan, yang melalui daya tersebut kita dapat menghargai dan mencintai keindahan dan kecemerlangan rohani. Disebabkan oleh itu, seseorang yang hanya mampu menikmati keindahan materi tidak akan mengerti apa yang Rasulullah maksudkan ketika baginda menyebut bahawa baginda mencintai solat melebihi wangian dan wanita, sekalipun kedua-dua perkara tersebut juga merupakan kesukaannya. Sebaliknya, bagi mereka yang mata hatinya telah

68 *Al-Mā'idah* (5):57.

terbuka untuk menghargai keindahan dan kesempurnaan Ilahi pasti tidak akan mengendahkan keindahan-keindahan duniawi, sekalipun semua itu sangat cantik.

Orang-orang yang jenis pertama itu akan mengatakan bahawa keindahan itu terdapat dalam kemulukan "merah dan putih," tubuh badan yang berukuran elok, dan sebagainya, namun dia buta terhadap keindahan akhlakiah, sepertimana yang disebutkan oleh ramai orang ketika mereka berbicara mengenai "akhlak yang indah." Sebaliknya, orang-orang yang jenis kedua, yang memiliki mata hati, tidak mengalami sebarang kesukaran untuk mencintai tokoh-tokoh hebat yang telah tiada, seperti Khalīfah 'Umar bin al-Khaṭṭāb dan Abū Bakr, mengagumi sifat-sifat mulia mereka meskipun jasad mereka telah lama bertukar menjadi tanah. Bagi cinta yang sedemikian ini bukanlah rupa luaran yang menjadi objek pujaan, sebaliknya sifat dan peribadi dalaman. Malahan, dalam usaha kita untuk menanamkan rasa cinta ke dalam diri kanak-kanak pun, bukan rupa luaran yang kita bicarakan, tetapi kelebihan-kelebihan dalaman mereka.

Apabila kita memanjangkan jalur fikir ini kepada Allah, maka kita dapat simpulkan bahawa Dialah satu-satu-Nya yang berhak dicintai, dan bahawa sesiapa sahaja yang tidak mencintai Allah, ini adalah kerana dia tidak benar-benar mengenali Allah. Apa-apa sahaja yang kita cintai dalam diri manusia, kita mencintainya kerana ia merupakan cerminan kesempurnaan Allah. Oleh sebab itulah kita mencintai Nabi Muḥammad, kerana baginda merupakan Rasul dan Kekasih Allah, dan mencintai para ulama dan orang soleh pun hakikatnya merupakan cinta kepada Allah. Perkara ini akan menjadi lebih jelas apabila kita mengambil kira punca-punca yang membangkitkan rasa cinta.

Punca yang pertama ialah kecintaan insan terhadap diri sendiri dan kesempurnaan hakikat dirinya. Punca ini secara langsung membawanya kepada cinta Allah, kerana kewujudan dan sifat-sifat insan itu sendiri tidak lain tidak bukan merupakan kurniaan Allah. Tanpa rahmat-Nya, insan tidak akan keluar dari tirai ketidakwujudan menjadi wujud di alam nyata. Kebolehannya untuk kekal wujud dan akhirnya meraih kesempurnaan juga bergantung sepenuhnya kepada Allah. Justeru, sangatlah menghairankan jika seseorang itu berlindung dari keterikan matahari di bawah bayang-bayang sebatang pokok, namun tidak bersyukur kepada pokok tersebut, yang tanpanya tidak akan ada sebarang bayang-bayang. Begitu juga, jika bukan kerana Allah insan tidak akan wujud dan tidak memiliki sebarang sifat; lalu, bukankah sepatutnya dia mencintai Allah? Jika tidak, ini hanya bermakna seseorang itu jahil akan sifat-sifat Allah. Seorang yang jahil sememangnya tidak berkemampuan untuk mencintai Allah, kerana cinta akan Allah itu terbit daripada ilmu, dan sememangnya seorang yang jahil itu tidak berilmu!

Punca kedua ialah kecintaan terhadap sumber rezeki, dan hakikatnya satu-satunya sumber rezeki insan itu ialah Allah, kerana apa sahaja manfaat yang dia peroleh dari mana-mana makhluk-Nya, itu semua terjadi atas perintah Allah. Apa-apa sahaja niat di sebalik pemberian oleh makhluk—baik ikhlas kerana Allah atau mendapat nama—Dialah yang Pelaku hakiki yang menggerakkan niat tersebut.

Punca ketiga pula ialah cinta yang terbit sebagai hasil renungan terhadap sifat-sifat Allah, kudrat dan hikmah-Nya, yang mana kudrat dan hikmah manusia merupakan cerminan yang lemah kepadanya. Cinta sebegini hampir serupa dengan cinta yang kita rasakan terhadap para tokoh silam yang hebat dan soleh seperti Imam Mālik dan Imam al-Shāfi'ī. Namun, cinta terhadap mereka ini tidak diiringi harapan untuk mendapat apa-apa manfaat peribadi dari mereka, oleh itu, cinta sebegini lebih hampir dengan perasaan kagum. Allah pernah berfirman kepada Nabi Dāwūd, "Para hamba yang paling Aku cintai bukanlah mereka yang menyembah-Ku kerana takut atau mengharapkan ganjaran, tetapi mereka yang berbuat demikian kerana memperakui ketuhanan-Ku." Dalam kitab Zabūr disebutkan,

"Siapakah yang paling besar maksiatnya berbanding orang yang menyembah-Ku kerana takutkan Neraka dan mengharapkan Syurga? Jika Aku tidak pernah menciptakan kedua-duanya, adakah bermakna aku tidak berhak disembah?"

Punca keempat ialah keakraban antara insan dengan Allah, sepertimana yang disebutkan dalam sabda Rasulullah, "Sesungguhnya Allah telah menciptakan insan dalam surah-Nya." Selain itu, Allah telah berfirman dalam sabda Rasulullah, "Hamba-Ku ingin mendekati-Ku, agar Aku dapat menjadi temannya. Jika Aku menjadikannya teman-Ku, Aku akan menjadi telinganya, matanya, dan lidahnya." Lagi, Allah berfirman kepada Nabi Mūsā, "Aku pernah jatuh sakit, mengapa engkau tidak menziarahi-Ku?" Lalu, Nabi Mūsā menjawab, "Wahai Tuhanku, Engkau Pemilik sekalian langit dan bumi, bagaimana mungkin Engkau jatuh sakit?" Allah membalas, "Seorang hamba-Ku jatuh sakit; jika engkau menziarahinya, tentu sekali engkau akan menziarahi-Ku."

Namun, untuk bergelumang dalam perbahasan sebegini agak sedikit berbahaya, kerana ia menjangkaui pemahaman orang awam, bahkan para bijak pandai pun kadang-kadang menemui jalan buntu dalam menyantuninya, lalu berakhir dengan kepercayaan jelmaan Tuhan dalam diri manusia atau penyatuan antara Tuhan dengan manusia. Pun begitu, keakraban antara manusia dengan Tuhan ini membungkam dakwaan para pemikir yang mendakwa bahawa insan tidak dapat mencintai Allah kerana Dia bukan sejenis dengannya. Betapa jauh pun jarak perbezaan antara Tuhan dengan manusia, manusia tetap dapat mencintai Allah dek keakraban yang diperihalkan dalam ungkapan "Sesungguhnya Allah telah menciptakan insan dalam surah-Nya."

Melihat Allah (Ru'*yatuLlāh*)

Semua orang Islam percaya bahawa *ru'yatuLlāh* itu merupakan kemuncak kebahagiaan, kerana perkara ini diperihalkan dalam Sharī'ah.[70] Akan tetapi, bagi kebanyakan orang, kepercayaan ini hanya menjadi ungkapan di bibir sahaja, yang tidak membangkitkan sebarang perasaan dalam hati. Ini tidak menghairankan, kerana bagaimana mungkin seseorang itu merindui sesuatu yang tidak dikenalinya? Maka, akan kami perihalkan *ru'yatuLlāh* untuk menunjukkannya sebagai kebahagiaan terbesar yang boleh didapati oleh insan.

Pada asalnya, setiap daya yang terdapat dalam diri insan mempunyai peranan tersendiri, yang mana jika matlamat peranan tersebut dipenuhi akan mendatangkan kebahagiaan kepada diri insan. Perkara ini terpakai kepada semua daya yang ada, dari serendah-rendah nafsu makan sehinggalah setinggi-tinggi daya akal. Malahan, penggunaan akal yang paling rendah pun mendatangkan kebahagiaan yang lebih tinggi berbanding memenuhi kehendak jasadiah. Justeru, misalnya, jika seseorang itu ralit bermain catur, dia tidak akan berkehendak untuk makan, meskipun dijemput berkali-kali. Semakin tinggi mauduk ilmu kita, semakin besar kenikmatannya: sebagai contoh, kita lebih gemar untuk mengetahui rahsia-rahsia raja berbanding rahsia-rahsia menteri. Justeru, memandangkan Allah merupakan mauduk ilmu tertinggi, maka ilmu mengenai-Nya adalah lebih besar nikmatnya berbanding ilmu-ilmu lain. Barang siapa yang mengenal Allah, meskipun dia masih berada di dunia ini, seakan-akan berada di Syurga "yang bidangnya seluas segala langit dan bumi,"[71] buahnya tidak terlarang, dan jenis-jenisnya tidak terbilang.

Masih sahaja nikmat ilmu itu tidak dapat menandingi nikmat rukyah, sepertimana mengenang orang-orang yang kita

70 "Pada hari akhirat itu, muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri; melihat kepada Tuhannya." *Al-Qiyāmah* (75):22–23.

71 (57):21.

sukai tidak dapat menandingi pengalaman melihat mereka di hadapan mata. Jiwa yang dipenjarakan dalam jasad yang tercipta daripada air dan tanah lempung, dan keterikatan kita dengan dunia menjadi hijab yang menghalang kita dari melihat Allah, walaupun ia tidaklah menghalang kita dari memperoleh ilmu mengenai-Nya. Oleh sebab itulah Allah berfirman kepada Nabi Mūsā, "Engkau tidak sekali-kali akan mampu untuk melihat-Ku..."[72]

Hakikatnya begini: sepertimana benih manusia akan membesar menjadi manusia sebenar, dan biji tamar akan tumbuh menjadi pokok tamar, begitu juga ilmu berkenaan Allah yang didapati di dunia ini akan menghasilkan rukyah di akhirat nanti, dan barang siapa yang tidak pernah mempelajari sebarang ilmu berkenaan Allah tidak akan sesekali mendapat peluang untuk melihat-Nya. Dan rukyah ini tidak sama bagi semua, sebaliknya sesuai dengan kadar ilmu setiap orang. Tuhan itu maha esa, tetapi akan dilihat dalam pelbagai cara, sepertimana objek yang sama boleh dipantulkan oleh pelbagai jenis cermin dan menghasilkan pelbagai jenis gambaran—yang tegak, senget, jelas, atau yang malap. Sesebuah cermin itu boleh jadi sangat rosak sehinggakan seindah-indah benda pun boleh tampil hodoh. Dan seseorang itu boleh membawa hati yang sangat gelap dan kotor ke akhirat nanti sehinggakan rukyah yang menjadi punca kebahagiaan bagi orang-orang lain malangnya menjadi punca kesengsaraan baginya. Manakala, bagi seorang yang hatinya telah diselimuti cinta kepada Allah pasti akan meraih kebahagiaan tertinggi daripada pengalaman rukyah ini berbanding seorang yang cintanya kepada Allah tidak menyelimuti hatinya; hal yang demikian itu seumpama dua orang yang tajam matanya dan melihat wajah yang rupawan, si dia yang memang sudah sedia mencintai pemilik wajah itu pasti akan merasa lebih seronok berbanding si dia yang tidak mencintainya. Demi[illegible]giaan yang sempurna, ilmu semata-mata tanpa didampingi oleh cinta adalah tidak memadai. Dan cinta kepada Allah itu tidak akan sesekali memenuhi hati seseorang selagi mana ia tidak dikosongkan daripada cinta dunia, yang hanya dapat dilaksanakan dengan kezuhudan. Ketika di dunia ini, *ru'yatuLlāh* itu seperti melihat wajah seorang Kekasih pada waktu senja, dan pada masa yang sama pakaiannya sedang diremuti tebuan dan kala jengking yang terus-menerus menyeksanya. Namun, sejurus sahaja matahari terbit dan menzahirkan wajah Kekasihnya nan indah, serta gangguan semua haiwan perosak itu terhenti, maka kegembiraannya seperti seorang hamba Allah yang telah bebas daripada cengkaman ujian dunia dan menatap wajah Kekasihnya tanpa sebarang tirai. Abū Sulaymān berkata, "Barang siapa yang disibukkan dengan urusan diri sendiri di dunia ini akan sibuk dengan urusannya juga di akhirat kelak, dan barang siapa yang menyibukkan dirinya dengan Allah di dunia ini akan sibuk dengan Allah di akhirat nanti."

Yaḥyā bin Mu'ādh pernah memerihalkan, "Aku pernah menyaksikan Yazīd al-Bisṭāmī sibuk menunaikan solat seluruh malam. Sejurus selesai, dia berdiri dan berkata, 'Wahai Tuhanku, sebahagian hamba-Mu meminta dan mendapat kebolehan untuk memperagakan keramat, untuk berjalan di atas air, untuk terbang di angkasa, tetapi aku tidak inginkan semua ini; sebahagian lain pula meminta pelbagai jenis khazanah harta, namun semua ini bukan keinginanku.' Kemudian, dia berpaling dan memandangku, lalu berkata, 'Engkaukah itu, Yaḥyā?' Aku menjawab, 'Ya.' Dia bertanya lagi, 'Sejak bila?' Aku menjawab, 'Sudah lama.' Kemudian, aku meminta agar dia menceritakan kepadaku beberapa pengalaman rohaninya. Dia membalas, 'Aku hanya akan mengkhabarkan kepadamu apa yang dibenarkan sahaja. Allah yang Maha Besar telah menyingkapkan kepadaku kerajaan-Nya, dari setinggi-tinggi hingga ke serendah-rendahnya; Dia mengangkatku di atas Arasy dan Kursiyy serta tujuh petala langit. Lalu, Dia berfirman, 'Pintalah dari-Ku apa

72 Al-*A'rāf* (7):143.

sahaja yang engkau hajati.' Aku menjawab, 'Tuhanku, tiada apa yang menjadi hajat hatiku melainkan Engkau sahaja.' Dan Dia membalas, 'Sungguh, engkau memang benar-benar hamba-Ku yang sejati.'"

Dalam peristiwa yang lain, al-Bisṭāmī berkata, "Sekalipun Tuhan menawarkan engkau keakraban Ibrāhīm, doa Mūsā yang sentiasa mustajab, atau kekuatan rohani ʿĪsā, kejapkan wajahmu hanya ke arah Dia sahaja, kerana dalam khazanah-Nya itu terdapat perkara yang lebih bernilai berbanding semua ini." Pada suatu ketika, seorang lelaki berkata kepadanya, "Aku telah berpuasa pada siang hari dan bertahajud pada waktu malam selama tiga puluh tahun, namun tidak sekali pun pernah aku kecapi pengalaman rohani yang engkau bicarakan itu." Al-Bisṭāmī pun membalas, "Sekalipun engkau melakukan semua itu selama tiga ratus tahun pun, engkau tidak akan sesekali kecapi perkara itu." Lelaki itu bertanya kembali, "Mengapa begitu?" Dan al-Bisṭāmī menjawab, "Kerana sifat mementingkan diri yang ada dalam dirimu menjadi penghalang antara engkau dan Allah." Dia pun bertanya kembali, "Justeru, khabarkanlah kepadaku penawarnya." Al-Bisṭāmī membalas lagi, "Engkau tidak akan mampu melaksanakannya." Namun, oleh sebab didesak, al-Bisṭāmī pun berkata, "Pergilah ke mana-mana tukang gunting dan cukur jambangmu; tanggalkan semua pakaianmu kecuali bengkung yang menutupi auratmu. Ambil seguni kacang badam dan ikatkannya di tengkukmu, pergi ke bazar dan berteriak, 'Sesiapa sahaja yang memukul tengkukku akan aku berikan dia sebiji kacang.' Dan dalam keadaan ini, pergi bertemu dengan para kadi dan ahli fiqh." Lelaki itu terkesima dan berkata, "Semoga Allah mengasihani nyawaku, aku tidak mampu untuk berbuat demikian." Lantas, al-Bisṭāmī membalas semula, "Inilah dia penawar yang kau pinta. Malangnya, seperti yang aku katakan, engkau tidak dapat diubati lagi."

Hikmah di sebalik saranan al-Bisṭāmī ini buat lelaki itu adalah kerana niat sebenarnya dalam beribadah adalah untuk

meraih kedudukan dan penghormatan. Cita-cita sebegitu dan penyakit takbur hanya boleh dirawat sedemikian rupa. Allah berfirman kepada Nabi ʿĪsā, "Wahai ʿĪsā, apabila aku dapati hati hamba-Ku dipenuhi cinta yang tidak tercemar terhadap-Ku dengan kehendak dunia mahupun akhirat, Aku akan menjadi penjaga buat cinta itu." Pernah Nabi ʿĪsā ditanya, "Amalan apakah yang paling mulia?" Baginda menjawab, "Mencintai Allah dan berserah diri kepada Iradah-Nya." Pernah suatu ketika Ibrāhīm bin Adham berkata, "Wahai Tuhanku, di sisiku Syurga itu pun lebih rendah nilainya berbanding agas jika dibandingkan dengan cinta-Mu dan kegembiraan mengingati-Mu yang telah Engkau kurniakan buatku."

Barang siapa yang menyangka bahawa kebahagiaan di akhirat selain cinta terhadap Allah itu mungkin, maka sangkaannya jauh meleset, kerana inti pati kehidupan akhirat itu adalah untuk bertemu Allah sebagai Kekasih yang telah lama terpisah dan pertemuan ini hanya terhasil selepas menempuhi pelbagai kepayahan dunia. Malangnya, jika dia tidak pernah mencintai Tuhan di dunia, maka pertemuan itu tidak akan menggembirakannya. Dan jika baginya cinta kepada Allah itu mendatangkan sedikit sahaja kegembiraan di dunia ini, maka di akhirat keadaannya serupa itu juga. Kesimpulannya, kebahagiaan akhirat kita akan ditentukan sekadar dengan cinta kita kepada-Nya di dunia ini. Lebih malang lagi—semoga Allah melindungi kita daripada keadaan ini—jika hati seseorang itu hanya penuh dengan cinta dunia, maka suasana akhirat akan menjadi begitu asing buatnya. Apa yang menggembirakan orang lain akan menjadi punca penderitaannya.

Keadaan ini dapat kita gambarkan sebegini: andaikan seorang penggali sampah sarap masuk ke pasar yang menjual wangian, dan kemudian pengsan akibat mencium bau wangian tersebut. Lalu, orang ramai mengerumuninya dan merenjiskan air mawar serta menghulurkan minyak wangi di hidungnya, namun keadaannya hanya bertambah teruk. Kemudian, seorang lagi

pengemis sampah tampil dan menghulurkan secebis kotoran yang busuk di hidungnya, lantas dia serta-merta bangkit dan berkata, "Ah! Inilah wangian yang sebenarnya." Justeru, di akhirat nanti, para pencinta dunia ini tidak akan mendapati sebarang kotoran nikmat dunia untuknya; manakala, nikmat akhirat yang berbentuk rohani menjadi asing baginya dan hanya akan memperparahkan keadaannya. Ini kerana akhirat itu merupakan alam rohani dan penzahiran keindahan Allah; maka, berbahagialah orang-orang yang bercita-cita untuk menikmatinya dan membiasakan diri dengan tarikannya. Semua amalan kezuhudan, ibadah, dan menuntut ilmu bermatlamat untuk meraih tarikan ini, dan tarikan tersebut ialah cinta. Inilah apa yang dimaksudkan dengan firman Allah, "Sesungguhnya berbahagialah orang yang menjadikan dirinya—yang sedia bersih—bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan)."[73] Manakala, semua amalan dosa dan nafsu bercanggah dengan matlamat ini, kerana itu Allah berfirman, "Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya—yang sedia bersih—itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat)."[74] Orang-orang yang dikurniakan dengan ketajaman mata hati benar-benar menanggapi hakikat ini dengan pengalaman yang benar, bukan setakat sebagai ajaran yang diwarisi. Pandangan mata hati mereka yang begitu jelas meyakinkan mereka bahawa penyampai yang menyampaikan ajaran-ajaran ini benar-benar merupakan seorang Rasul, sepertimana seorang yang telah mempelajari ilmu perubatan benar-benar kenal akan kepakaran seorang tabib. Keyakinan seumpama ini tidak memerlukan sebarang mukjizat—seperti tongkat yang berubah menjadi ular—untuk membuatkannya yakin, yang mana iman mereka boleh digoyahkan dengan mudah jika keajaiban lain pula berlaku di hadapan matanya oleh para ahli sihir.

73 Al-Shams (91):9.

74 Al-Shams (91):10.

Alamat-alamat Cinta Allah

Ramai orang mendakwa mencintai Allah, namun setiap orang hendaklah memeriksa keaslian cinta yang didakwanya itu. Cara pertama untuk memeriksa cintanya, pertama, seseorang itu tidak harus membenci memikirkan tentang kematian, kerana tidak ada kekasih yang enggan untuk bertemu dengan Kekasihnya. Rasulullah bersabda, "Barang siapa yang berkehendak untuk bertemu dengan Allah, maka Allah juga berkehendak untuk bertemu dengannya." Seorang pencinta yang ikhlas mungkin akan merasa gentar jika kematian menjemputnya sebelum dia sempat membuat sebarang persiapan akhirat, namun jika memang benar dia ikhlas, maka dia akan bersegera membuat persiapannya.

Alamat kedua ialah kesanggupan seseorang itu untuk menyerahkan kehendaknya kepada Iradah Allah. Hendaklah dia cenderung ke arah perkara-perkara yang menghampirkannya kepada Allah, dan menjauhi perkara-perkara yang membuatkannya jauh. Hakikat bahawa manusia itu biasa membuat dosa bukanlah bererti dia langsung tidak mencintai Allah, hanya sahaja cintanya itu tidak benar-benar memenuhi hatinya. Pernah Fuḍayl bin ʿIyāḍ berkata, "Jika engkau ditanyakan sama ada engkau benar-benar mencintai Allah, hendaklah engkau diam sahaja; kerana jika engkau menjawab 'tidak,' maka engkau seorang kafir, namun jika engkau menjawab 'ya,' amalanmu tidak mencerminkan kata-katamu."

Alamat ketiga ialah zikir yang sentiasa berterusan dan segar dalam hati meskipun tanpa diusahakan, kerana apa sahaja yang dicintai itu pasti akan sentiasa bermain dalam ingatan, dan jika cintanya itu sempurna, maka dia tidak akan sesekali melupakannya. Pun begitu, meskipun cinta Allah tidak menjadi keutamaan pertama dalam hati seseorang, masih sahaja mungkin untuk cinta terhadap cinta Allah itu yang menduduki keutamaan

pertama. Ini kerana cinta akan cinta itu adalah berlainan dengan cinta terhadap sesuatu itu sendiri.

Alamat keempat ialah kecintaan kepada al-Qur'ān yang merupakan kalam Allah dan Muḥammad yang merupakan pesuruh-Nya; jika cintanya benar-benar kukuh, maka dia akan mencintai sekalian manusia, kerana mereka semua itu merupakan para hamba-Nya. Bahkan, cintanya itu seharusnya meliputi sekalian makhluk, kerana jika seseorang itu mencintai Kekasihnya, maka dia akan mencintai segenap pekerjaan yang dilakukan oleh Kekasihnya itu.

Alamat kelima ialah keghairahannya untuk bersendirian dalam ibadah, dia akan merindui waktu malam, agar dapat dia berkhalwat dengan Kekasihnya tanpa halangan. Jika dia lebih memilih hubungan manusia pada siang hari dan tidur lena pada waktu malam, maka cintanya belum sempurna. Allah pernah berfirman kepada Nabi Dāwūd, "Janganlah terlalu akrab dengan manusia; kerana terdapat dua jenis manusia yang terkecuali daripada hadrat-Ku: orang-orang yang taasub mengejar ganjaran, namun akhirnya bermalasan setelah memperolehnya, dan orang-orang yang lebih memilih untuk melayan fikirannya sendiri berbanding mengingati aku. Tanda Aku tidak merestui mereka ialah Aku meninggalkan mereka dalam kelalaian."

Hakikatnya, jika cinta Allah benar-benar memenuhi hati manusia, maka cinta akan perkara-perkara yang lain semuanya akan tersingkir. Pernah seorang lelaki dari Banī Isrā'īl biasa bertahajud pada waktu malam, namun apabila dia terdengar kicauan burung yang merdu di sebatang dahan pokok, dia mula menunaikan solatnya di bawah pokok tersebut agar dapat mendengar kicauan burung tersebut dengan lebih hampir. Lalu, Allah pun memerintahkan Nabi Dāwūd untuk memaklumkan kepada lelaki tersebut, "Engkau telah mencampur-adukkan cinta-Ku dengan cinta kepada burung yang merdu itu; martabatmu dalam kalangan para wali kini telah menjadi semakin rendah."

Manakala, sebahagian orang pula sangat mencintai Allah dengan sangat dahsyat sehinggakan rumah yang sedang terbakar pun tidak mengganggu ibadah mereka.

Alamat yang keenam ialah ibadah menjadi mudah bagi seseorang itu. Seorang wali pernah berkata, "Tiga puluh tahun pertama ibadahku, aku melaksanakannya dengan kepayahan; namun tiga puluh tahun kedua ibadahku, aku mampu melaksanakannya dengan senang hati." Apabila cinta Allah menjadi sempurna, tidak ada sebarang kebahagiaan lain yang dapat menandinginya.

Seterusnya, alamat ketujuh pula ialah para pencinta Allah akan mencintai semua orang yang mentaati Allah dan membenci orang-orang kafir dan yang mengingkari-Nya. Al-Qur'ān menyebutkan, "...bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaliknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam)."[75] Pernah suatu ketika Rasulullah bertanya kepada Allah, "Siapakah kekasih-Mu?" Lalu, Allah menjawab, "Mereka yang mendampingi-Ku sepertimana seorang anak kecil yang melekat pada ibunya, yang mencari perlindungan dalam zikir sepertimana burung yang berlindung dalam sarangnya, dan yang menzahirkan kebencian terhadap dosa sepertimana singa yang bengis tidak gentar terhadap apa-apa pun."

75 Al-Fatḥ (48):29.

BIBLIO PRESS

"Jika anda suka karya-karya terjemahan kami, bolehlah anda dapatkan karya-karya lain di sini."

Hubungi:

bibliopress.my@gmail.com

Media Sosial

@bibliopress

Dalam karya agung *Kimia Kebahagiaan*, Imam al-Ghazali, seorang pemikir dan ulama terulung Islam, meneroka rahsia kebahagiaan sejati dan makna kehidupan yang mendalam. Melalui gabungan ilmu kerohanian dan praktikal, al-Ghazali menyingkap cara-cara untuk membersihkan hati, mendekatkan diri kepada Allah, dan mencapai kebahagiaan abadi. Buku ini bukan sahaja membimbing pembaca memahami erti kebahagiaan di dunia dan akhirat, tetapi juga menanamkan hikmah yang relevan dengan kehidupan moden.

Ditulis dengan penuh kearifan, *Kimia Kebahagiaan* adalah panduan abadi untuk setiap jiwa yang mencari ketenangan dan kepuasan batin. Dalam edisi terjemahan bahasa Melayu ini, pembaca berpeluang mendalami pemikiran al-Ghazali dalam bahasa yang lebih dekat di hati, sambil menghargai kebijaksanaan yang kekal merentasi zaman.

RM28
ISBN 978-629-7733-00-5
9 786297 733005
BIBLIO PRESS